KANDUNGAN

Struktur dan Maklumat Kumpulan SHAMELIN
- Struktur Kumpulan SHAMELIN 2
- Maklumat Kumpulan SHAMELIN 3 - 4

Perutusan Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad 5 - 6

Prestasi Koperasi Shamelin Berhad dan Kumpulan 7 - 9

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan 10 - 32

Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad
- Anggota Lembaga & Mesyuarat Lembaga 33
- Jawatankuasa-jawatankuasa 34 - 35
- Pelaburan 36
- Anggota 37
- Tabung Pendidikan dan Kebajikan 38 - 39
- Skim Khairat Kematian 40 - 41
- Hartanah & Litigasi 42
- Kursus dan Seminar 43

Carta Organisasi Pengurusan dan Pentadbiran Kumpulan SHAMELIN
- Koperasi Shamelin Berhad dan KSB Hartanah Sdn Bhd 44
- Shamelin Bina Sdn Bhd dan KSB Selenggara Sdn Bhd 45

Senarai Ahli Jawatankuasa Kawasan-kawasan 46 - 50

Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 51 - 53

Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke atas Akaun Beraudit bagi Tahun 2009 54 - 58

Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke atas Akaun Beraudit bagi Tahun 2010 59


Laporan Akaun Beraudit Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-Subsidiarinya Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2010
- Koperasi Shamelin Berhad 60 - 84
- Shamelin Bina Sdn Bhd 85 - 99
- KSB Hartanah Sdn Bhd 100 - 118
- KSB Selenggara Sdn Bhd 119 - 132
- Shamelin Building Materials Sdn Bhd 133 - 144
- Syarikat Samudera Emas Sdn Bhd 145 - 154

Perbandingan Penyata Belanjawan 2010 dengan Penyata Sebenar 2010 Koperasi Shamelin Berhad 155 - 156

Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2011 dan 2012
- Koperasi Shamelin Berhad 157 - 160
- Shamelin Bina Sdn Bhd 161
- KSB Hartanah Sdn Bhd 162
- KSB Selenggara Sdn Bhd 163

Laporan Akaun Beraudit Kimali Construction Sdn Bhd 164 - 178

STRUKTUR KUMPULAN SHAMELIN



MAKLUMAT KUMPULAN SHAMELIN

KOPERASI SHAMELIN BERHAD

LEMBAGA

Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	**(Pengerusi)**
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi	**(Setiausaha)**
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	**(Bendahari)**
Haji Shahadan bin Haji Abdul Manas	
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman	
Datuk Haji Abu bin Pit	
Haji Kamarudin bin Md. Noor	
Haji Othman bin Haji Md. Isa	
Hajah Zainab binti Haji Abu	
Haji Md Akib bin Hashim	
Haji Ismail bin Muda	
Dr. Haji Arriffin bin Mansor	

PENGURUS BESAR
Haji Zaini bin Zainuddin

TARIKH PENUBUHAN
13 April 1971

BILANGAN ANGGOTA
22,424

MODAL SYER ANGGOTA
RM 12,531,151.00

PEJABAT BERDAFTAR
38-6-4 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91
Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92852155 Faks: 03-92855606
Email: info@shamelin.com

JURUAUDIT LUAR
Tetuan A. Razak & Co Chartered Accountans (AF 0842)

PEGUAM
Tetuan Zul Rafique & partners
Tetuan Vasdev Bakshani & Associates

BANK
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
RHB Islamic Bank Berhad
CIMB Bank Berhad

SHAMELIN BINA SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH

Haji Kamarudin bin Md. Noor	**(Pengerusi)**
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh	
Haji Abd Latip bin Haji Md Sa'aid	
Haji Ahmad Munir bin Baharin	

PENGURUS BESAR
Muhammad Hanafiah bin Mohd Ghazali

TARIKH PENUBUHAN
13 Oktober 1995

SETIAUSAHA SYARIKAT
Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

MODAL DIBENARKAN / BERBAYAR
RM 1,000,000.00 / RM 1,000,000.00

PEJABAT BERDAFTAR
38-6-5 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91
Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
Tel : 03-92002155 Faks : 03-92845900

JURUAUDIT LUAR
Tetuan A. Razak & Co Chartered Accountans (AF 0842)

PEGUAM
Tetuan Vasdev Bakshani & Associates

BANK
RHB Islamic Bank Berhad

KSB HARTANAH SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH

Haji Md Akib bin Hashim	**(Pengerusi)**
Dato' Haji Amran bin Wahid	
Ahmad Shahidan bin Said	

SETIAUSAHA SYARIKAT
Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

PENGURUS
Haji Saharom bin Mohd Adas

TARIKH PENUBUHAN
26 November 1973

MODAL DIBENARKAN / BERBAYAR
RM 2,000,000.00/RM 20,002.00

BANK
RHB Bank Berhad

PEJABAT BERDAFTAR
38-6-5 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91
Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
Tel : 03-92002155 Faks : 03-92845900

JURUAUDIT LUAR
Tetuan A. Razak & Co Chartered Accountans (AF 0842)

PEGUAM
Tetuan Gunaseelan & Associates
Tetuan Vasdev Bakshani & Associates
Tetuan Kesavan
Tetuan Tan, Chua & Lawrence

KSB SELENGGARA SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH
Hajah Zainab binti Haji Abu **(Pengerusi)**
Adnan bin Salleh
Yazid bin Ismail

SETIAUSAHA SYARIKAT
Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

PENGURUS
Haji Saharom Mohd Adas

TARIKH PENUBUHAN
29 September 1995

MODAL DIBENARKAN / BERBAYAR
RM 100,000.00 / RM 10,000.00

PEJABAT BERDAFTAR
38-6-5 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91
Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
Tel : 03-92002155 Faks : 03-92845900

JURUAUDIT LUAR
Tetuan A. Razak & Co Chartered Accountans (AF 0842)

PEGUAM
Tetuan Kesavan

BANK
RHB Bank Berhad

SHAMELIN BUILDING MATERIALS SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH
Haji Kamarudin bin Md Noor **(Pengerusi)**
Hajah Zainab binti Haji Abu

SETIAUSAHA SYARIKAT
Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

PENGURUS
Tiada

TARIKH PENUBUHAN
21 Januari 1997

MODAL DIBENARKAN / BERBAYAR
RM 1,000,000.00 /RM 150,000.00

PEJABAT BERDAFTAR
38-6-5 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91
Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
Tel : 03-92002155 Faks : 03-92845900

JURUAUDIT LUAR
Tetuan A. Razak & Co Chartered Accountans (AF 0842)

PEGUAM
Tetuan Vasdev Bakshani & Associates

BANK
RHB Bank Berhad

SYARIKAT SAMUDERA EMAS SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH
Dr. Haji Arriffin bin Mansor
Haji A. Rahim bin A. Latib

SETIAUSAHA SYARIKAT
Haji Othman bin Mohd Shah (LS 06198)

PENGURUS
Haji Zaini bin Zainuddin

TARIKH PENUBUHAN
3 Ogos 1974

MODAL DIBENARKAN / BERBAYAR
RM 200,000.00/RM 3,953.00

PEJABAT BERDAFTAR
38-6-5 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91
Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur
Tel : 03-92002155 Faks : 03-92845900

JURUAUDIT LUAR
Tetuan A. Razak & Co Chartered Accountans (AF 0842)

PERUTUSAN PENGERUSI

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Prestasi kewangan Koperasi Shamelin Berhad ("KSB") berakhir 31 Disember 2010 adalah baik dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.302 juta.

Keuntungan yang diperolehi selepas pembahagian berkanun dan lain-lain bagi KSB ialah sebanyak RM0.867 juta, dan Kumpulan pula ialah sebanyak RM0.895 juta. Keuntungan ini telah menjadikan keuntungan terkumpul KSB meningkat kepada RM2.371 juta berbanding pada tahun sebelumnya sebanyak RM1.504 juta. Manakala, kerugian terkumpul Kumpulan pula menurun kepada RM1.854 juta berbanding RM2.750 juta pada tahun 2009.

Ekoran daripada prestasi baik itu Kumpulan wang anggota Kumpulan telah meningkat dari RM32.759 juta dalam tahun 2009 kepada RM34.583 juta, dan Kumpulan Wang Anggota Koperasi turut meningkat kepada RM38.492 juta berbanding RM36.580 juta dalam tahun 2009. Namun begitu nilai Kumpulan Wang Anggota Koperasi bagi setiap unit syer anggota KSB turun sedikit dari RM3.50 kepada RM3.35.

Sejajar dengan prestasi baik yang dicapai dalam tahun kewangan 2010 itu, Lembaga telah mencadangkan untuk memberi dividen sebanyak 10% daripada jumlah modal syer anggota pada 30 Jun 2010 berjumlah sebanyak RM1.241 juta, tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan ke-27 ini.

PENCAPAIAN PADA TAHUN 2010

Keuntungan sebelum cukai yang dicapai oleh KSB berakhir 31 Disember 2010 sebanyak RM2.302 juta itu adalah melalui perolehan pendapatan sebanyak RM7.263 juta setelah mengambil kira jumlah perbelanjaan sebanyak RM4.961 juta.

Punca utama pendapatan ialah daripada perolehan-perolehan melalui perniagaan skim kemudahan kredit sebanyak RM5.079 juta, melalui penyewaan Shamelin Business Centre, Dataran SHAMELIN dan kondominium Shamelin Bestari sebanyak RM1.805 juta dan melalui pendapatan daripada beberapa pelaburan sebanyak RM0.271 juta.

Manakala jumlah perbelanjaan adalah terdiri daripada penyelenggaraan harta-harta tetap sebanyak RM1.702 juta, bayaran-bayaran pengurusan sebanyak RM1.118 juta, pentadbiran sebanyak RM0.543 juta, hal ehwal anggota dan Lembaga sebanyak RM0.727 juta dan kos kewangan sebanyak RM0.870 juta.

Dalam tahun 2010 KSB telah memperuntukkan sebanyak RM137,707.00 sebagai hutang lapuk ke atas pinjaman yang tidak berbayar oleh peminjam skim kemudahan kredit. Usaha-usaha yang berterusan akan dijalankan oleh KSB bagi menangani kutipan baki pinjaman yang tidak berbayar.

Subsidiari KSB Hartanah Sdn Bhd yang menjalankan perniagaan pengurusan projek dan pembangunan hartanah telah mengalami kerugian pada 31 Disember 2010 sebanyak RM0.432 juta.

Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh KSB Hartanah Sdn Bhd sepanjang tahun 2010 ialah sebanyak RM0.597 juta melalui yuran pengurusan projek, manakala jumlah perbelanjaan pula ialah sebanyak RM1.029 juta.

Subsidiari Shamelin Bina Sdn Bhd yang menjalankan perniagaan pemasaran bertingkat mencatat keuntungan sebanyak RM0.629 juta berakhir pada 31 Disember 2010. Jumlah jualan yang diperolehi sepanjang tahun 2010 ialah sebanyak RM16.816 juta manakala jumlah perbelanjaan ialah sebanyak RM16.187 juta.

Subsidiari KSB Selenggara Sdn Bhd yang berperanan sebagai perbadanan pengurusan menyelenggara bangunan-bangunan kediaman di Taman Shamelin Perkasa mengalami kerugian sebanyak RM72,446.00 berakhir 31 Disember 2010, manakala subsidiari Shamelin Building Materials Sdn Bhd yang sudah tidak aktif lagi menjalankan perniagaan pembekalan bahan dan kelengkapan binaan telah mengalami kerugian sebanyak RM790.00 berakhir 31 Disember 2010.

ANGGOTA DAN SYER

Jumlah modal syer anggota yang terkumpul berakhir 31 Disember 2010 daripada seramai 22,424 orang anggota ialah sebanyak RM12,531,157.00. Jumlah ini termasuk jumlah syer bonus anggota sebanyak RM1,032,792.00, melalui penambahan syer sebanyak RM300,431.00 dan dividen yang dikreditkan ke dalam modal syer sebanyak RM1,079,263.00.

Jumlah anggota yang telah memohon menarik diri ialah seramai 114 orang yang melibatkan pemulangan jumlah syer sebanyak RM88,505.70. Manakala jumlah anggota yang telah meninggal dunia ialah seramai 274 orang yang melibatkan pemulangan jumlah syer sebanyak RM146,442.30 kepada waris anggota. Dalam tahun 2010, manfaat skim khairat kematian sebanyak RM676,225.00 telah dibayar kepada 273 waris anggota yang telah meninggal dunia.

Tiada perubahan ke atas jumlah individu yang berdaftar yang belum lagi menjelaskan bayaran penuh syer mereka yang seramai 11,131 orang melibatkan sejumlah wang terkumpul sebanyak RM400,325.89.

Daripada peruntukan sebanyak RM60,000.00 yang telah diluluskan, sejumlah RM51,800.00 telah dibelanjakan untuk Tabung Pendidikan dan Kebajikan sepanjang tahun 2010. Daripada jumlah ini sebanyak RM14,700.00 disumbangkan di bawah kategori hadiah cemerlang akademik kepada seramai 78 orang anak-anak anggota yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan PMR, SPM, SMA, STPM dan Matrikulasi, dan sebanyak RM37,100.00 disumbangkan
di bawah kategori insentif pelajaran kepada seramai 83 orang anak-anak anggota yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi.

PROSPEK DAN CABARAN

Dengan penguatkuasaan garis panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai aktiviti kemudahan kredit atau pembiayaan Islam oleh koperasi mulai 1 Julai 2010, pengembangan aktiviti perniagaan skim kemudahan kredit akan digemblengkan dengan penyertaan para anggota sebagai wakil pemasaran.

Aktiviti pembangunan hartanah di atas tapak seluas tiga ekar di Taman Shamelin Perkasa dengan pembangunan kompleks mega merangkumi podium perniagaan, menara pejabat dan dua blok apartmen secara usahasama dengan sebuah syarikat senarai awam ('public listed company') telah pun dimeterai baru-baru ini yang bakal memberi pulangan sebanyak RM48.4 juta kepada Koperasi.

Bagi perniagaan penternakan ikan keli di tapak seluas 3 ekar di Janda Baik, Pahang, kemajuannya sehingga kini belum lagi mencapai sasaran sebanyak 2 tan sehari. Namun begitu, langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini telah pun diambil dan diharapkan sasaran tersebut dapat dicapai bermula pada akhir tahun ini .

Kejayaan perusahaan akuakultur ini juga banyak bergantung kepada kejayaan pemasaran. Jika anggota Koperasi yang bertaburan di seluruh negara seramai 22,424 orang itu dianggap sebagai pengguna dan pemasar kepada produk-produk hiliran yang bakal dikeluarkan dari ikan keli itu, maka yakinlah perusahaan akuakultur ini akan beroleh kejayaan yang memberangsangkan. Sokongan dan kerjasama daripada anggota amatlah penting bagi menjayakan usaha ini.

Aktiviti Ar-Rahnu sehingga kini kemajuannya belum lagi memberi keuntungan namun begitu jumlah penggadai bertambah dan diharapkan pada akhir tahun 2011 ini prestasi aktiviti ini akan meningkat.

Manakala bagi aktiviti perniagaan pemasaran bertingkat yang dijalankan oleh subsidiari, Shamelin Bina Sdn Bhd telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dengan memperolehi keuntungan sebanyak RM0.629 juta.

PENUTUP KATA

Ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Lembaga, pasukan pengurusan dan Jawatankuasa Audit Dalaman atas usaha dan sumbangan yang telah diberikan dengan penuh dedikasi dan komitmen yang berterusan. Ucapan ribuan terima kasih juga dipanjangkan kepada para anggota atas doa, keyakinan dan sokongan untuk kami terus menyumbang demi kemajuan Koperasi Shamelin Berhad.


Rakaman ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada institusi-institusi kewangan, jabatan-jabatan kerajaan, kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal dan individu-individu di atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan selama ini.

Wasalam.

DATUK HAJI MUHAMMAD FEISOL BIN HAJI HASSAN

PRESTASI KOPERASI SHAMELIN BERHAD

Dari perspektif keuntungan sebelum cukai, nilai pegangan syer dan pengeluaran dividen dari tahun 1999 hingga tahun 2010



PRESTASI KOPERASI SHAMELIN BERHAD (Dari perspektif lembaran imbangan bagi tahun 1999 hingga tahun 2010)

	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
MODAL SYER ANGGOTA	6,969,660	7,246,529	7,525,536	7,807,527	7,136,049	7,972,703	8,744,599	9,284,107	9,880,742	10,636,437	10,452,537	11,498,360
KUMPULAN WANG RIZAB MODAL	19,836,233	19,836,986	19,836,986	19,998,287	19,998,287	24,239,596	24,250,114	24,257,933	24,257,933	23,248,916	22,224,015	22,224,015
SYER BONUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,069,361	1,049,608	1,032,797
SYER BONUS DITEBUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	796	17,607
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER	70,000	70,000	70,000	70,000	70,000	70,000	70,000	300,000	300,000	300,000	161,799	227,282
MODAL SYER DITEBUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	138,201	72,718
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER BONUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,048,812	1,032,001
YURAN ANGGOTA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	15,160
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL	(10,917,232)	(7,113,973)	(5,798,113)	(1,878,970)	192,357	1,921,379	3,425,987	5,358,157	5,802,599	137,073	1,504,379	2,371,713
KUMPULAN WANG ANGGOTA-ANGGOTA	**15,958,661**	**20,039,542**	**21,634,409**	**25,996,844**	**27,396,693**	**34,203,678**	**36,490,700**	**39,200,197**	**40,241,274**	**35,391,787**	**36,580,147**	**38,491,653**
KUMPULAN WANG RIZAB BERKANUN	15,002,512	15,511,979	15,814,987	16,572,799	17,001,210	17,425,455	17,851,376	18,297,405	18,604,241	18,604,241	18,604,241	18,604,241
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI	-	-	-	-	-	60,474	56,789	74,338	51,139	-	41,709	40,009
KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI	-	-	-	-	-	30,237	28,395	37,169	25,570	-	20,854	20,005
TANGGUNGAN BUKAN SEMASA												
Terhutang kepada subsidiari	-	-	-	-	-	26,632,948	43,839,671	43,839,671	-	-	-	76,208
Pinjaman bercagar	-	-	-	-	-	1,236,231	1,015,128	794,179	4,271,146	7,714,535	46,639,634	57,050,620
Pemiutang sewa beli	-	-	-	-	-	-	-	-	-	326,598	573,667	330,601
Keuntungan pembiayaan akan diterima	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	23,290,861	19,840,906
TANGGUNGAN SEMASA												
Pinjaman bercagar	-	-	-	13,804,498	6,495,277	219,716	220,949	220,949	419,663	570,114	6,036,628	9,306,748
Pemiutang perniagaan	7,937,505	16,383,002	15,831,348	259,385	134,585	50,186	626,026	5,346	91,238	4,355,536	24,191,222	235,961
Pelbagai pemiutang akruan dan pertaruhan	1,671,937	5,858,365	5,991,144	5,585,644	5,386,213	12,064,346	19,830,269	21,440,890	3,816,495	5,599,615	972,957	1,745,991
Peruntukan cukai	2,741,133	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Keuntungan pembiayaan akan diterima	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,206,192	2,628,976
Pemiutang sewa beli	-	-	121,896	94,291	66,685	39,079	11,473	-	-	60,157	157,823	157,823
Terhutang kepada subsidiari	854,608	854,608	700,000	631,501	607,471	116,903	899,256	2,931,181	1,135,411	-	-	-
Peruntukan dividen	332,102	347,233	361,704	375,124	357,784	737,394	808,558	934,342	1,009,089	-	1,154,569	1,240,903
	13,537,285	**23,443,208**	**23,006,092**	**20,750,443**	**13,048,015**	**13,227,624**	**22,396,531**	**25,532,708**	**6,471,896**	**10,585,422**	**35,719,391**	**15,316,402**
	44,498,458	**58,994,729**	**60,455,488**	**63,320,086**	**57,445,918**	**92,816,647**	**121,678,590**	**127,775,667**	**69,665,266**	**72,622,583**	**161,470,504**	**149,770,645**
HARTA TETAP	24,670,154	24,387,016	24,172,611	27,338,510	27,738,649	33,081,938	31,341,797	38,878,850	45,845,746	45,821,339	50,012,401	51,628,244
PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT	1,000,002	7,000,001	7,000,001	7,000,001	7,020,002	7,020,002	7,020,002	7,020,002	7,020,002	1,020,002	1,020,002	1,020,002
ASET KUMPULAN RIZAB STATUTORI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4,044,228
LAIN-LAIN PELABURAN	56,001	58,991	59,191	59,800	145,040	145,040	130,040	130,040	130,040	1,628,878	1,576,085	2,324,201
PINJAMAN ANGGOTA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	76,306,325	70,819,719
	25,726,157	**31,446,008**	**31,231,803**	**34,398,311**	**34,903,691**	**40,246,980**	**38,491,839**	**46,028,892**	**52,995,788**	**48,470,219**	**128,914,813**	**129,836,394**
HARTA SEMASA												
Inventori	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	99,983
Terhutang oleh subsidiari	4,782,657	841,044	2,300,308	2,742,411	3,615,161	3,587,055	3,674,682	1,211,663	1,250,105	591,873	567,488	-
Penghutang perniagaan	13,140,266	24,503,761	24,833,972	22,209,404	16,288,625	34,605,378	52,859,405	49,881,194	9,018,849	14,835,127	7,154,116	6,999,184
Pinjaman Anggota	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	10,405,340	9,351,864
Pelbagai penghutang	457,800	1,324,669	986,361	1,675,395	895,689	2,936,132	2,405,561	1,932,977	1,226,683	1,663,087	7,128,923	1,083,564
Pertaruhan tetap	-	-	503,836	518,926	533,341	-	20,800,000	23,383,170	-	-	-	-
Cukai prabayar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	729,044
Wang di tangan dan di bank	391,578	879,247	599,208	1,775,639	1,209,411	11,441,102	3,447,103	5,337,771	5,173,841	7,062,277	7,299,824	1,670,612
	18,772,301	**27,548,721**	**29,223,685**	**28,921,775**	**22,542,227**	**52,569,667**	**83,186,751**	**81,746,775**	**16,669,478**	**24,152,364**	**32,555,691**	**19,934,251**
	44,498,458	**58,994,729**	**60,455,488**	**63,320,086**	**57,445,918**	**92,816,647**	**121,678,590**	**127,775,667**	**69,665,266**	**72,622,583**	**161,470,504**	**149,770,645**
Keuntungan/(Kerugian) bagi tahun	**2,856,464**	**4,397,404**	**2,020,055**	**5,052,079**	**2,856,074**	**3,023,722**	**2,857,425**	**3,723,703**	**2,418,691**	**(5,599,003)**	**2,060,778**	**2,301,875**
Nilai pegangan syer	**1:2.29**	**1:2,27**	**1.2.87**	**1:3.33**	**1:.384**	**1:4.29**	**1:4.17**	**1:4.22**	**1:4.07**	**1:3.33**	**1:3.50**	**1:3.35**

PRESTASI KUMPULAN SHAMELIN (Dari perspektif lembaran imbangan bagi tahun 1999 hingga tahun 2010)

	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010
MODAL SYER ANGGOTA	6,969,660	7,246,529	7,525,536	7,807,527	7,136,049	7,972,703	8,744,599	9,284,108	9,880,741	10,636,437	10,452,537	11,498,360
DANA AMANAH PEMBELI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	562,764	433,251	317,476
KUMPULAN WANG RIZAB MODAL	19,836,233	19,836,986	19,836,986	19,998,287	19,998,287	24,239,596	24,250,114	24,257,933	24,257,933	23,248,916	22,224,015	22,224,015
SYER BONUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,069,361	1,049,608	1,032,797
SYER BONUS DITEBUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	796	17,607
MODAL SYER DITEBUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	138,201	72,718
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER	70,000	70,000	70,000	70,000	70,000	70,000	70,000	300,000	300,000	300,000	161,799	227,282
KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER BONUS	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1,048,812	1,032,001
YURAN ANGGOTA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	15,160
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL	(42,576,550)	(24,020,483)	(13,336,171)	(7,978,355)	(3,622,872)	(4,765,228)	(3,606,070)	(1,256,754)	(486,594)	(4,416,496)	(2,749,541)	(1,854,106)
KUMPULAN WANG ANGGOTA-ANGGOTA	**(15,700,657)**	**3,133,032**	**14,096,351**	**19,897,459**	**23,581,464**	**27,517,071**	**29,458,643**	**32,585,287**	**33,952,080**	**31,400,982**	**32,759,478**	**34,583,310**
KUMPULAN WANG RIZAB BERKANUN	15,002,512	15,511,979	15,814,987	16,572,799	17,001,210	17,425,455	17,854,069	18,297,405	18,604,241	18,604,241	18,604,241	18,604,241
KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI	-	-	-	-	-	60,474	57,149	74,338	51,139	-	41,709	40,009
KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI	-	-	-	-	-	30,237	28,574	37,169	25,570	-	20,854	20,005
TANGGUNGAN BUKAN SEMASA												
Pinjaman bercagar	-	-	-	-	-	1,236,232	1,015,128	794,179	4,271,146	7,714,535	46,639,634	57,050,620
Sipiutang sewa beli	-	-	-	-	-	11,473	-	-	94,299	396,293	618,758	330,601
Nota Murabahah Jangka Sedarhana ("MMTN")	-	-	-	-	-	29,303,362	48,328,069	48,746,052	-	-	-	-
Terhutang kepada syarikat berkaitan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	148,512
Keuntungan pembiayaan akan diterima	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	23,290,861	19,840,906
TANGGUNGAN SEMASA												-
Terhutang oleh syarikat berkaitan	9,172,755	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pinjaman jangka panjang	1,261,824	4,747,469	983,873	13,897,097	6,495,277	219,716	220,949	220,949	419,663	570,114	6,036,628	9,306,748
Pemiutang perniagaan	11,053,300	19,153,379	18,262,508	1,946,788	2,333,170	1,143,413	1,971,532	1,329,719	3,245,516	5,270,784	25,194,302	1,584,907
Pelbagai pemiutang akruan dan pertaruhan	28,447,017	28,615,542	9,696,889	8,128,240	7,634,836	13,653,039	20,803,130	23,103,793	6,203,706	6,299,301	2,673,127	3,676,384
Pemiutang sewa beli	176,003	149,085	239,112	174,688	66,685	27,606	11,472	-	24,600	84,756	182,423	157,823
Wang tertahan akan dibayar	-	2,366,996	2,686,557	3,366,580	3,007,733	609,308	39,180	338,432	660,075	308,988	-	-
Peruntukan cukai	3,836,579	1,525,935	115,901	54,401	104,193	133,610	136,711	238,000	-	-	-	-
Perbelanjaan Pembangunan	-	-	-	-	-	371,264	331,207	486,764	-	-	-	-
Keuntungan pembiayaan akan diterima	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,206,192	2,628,976
Dividen dicadangkan	332,102	347,233	361,704	375,124	357,784	737,394	808,558	934,342	1,009,089	-	1,154,569	1,240,903
	54,279,580	**56,905,639**	**32,346,544**	**27,942,918**	**19,999,678**	**16,895,350**	**24,322,739**	**26,651,999**	**11,562,649**	**12,533,943**	**38,447,241**	**18,595,741**
	53,581,435	**75,550,650**	**62,257,882**	**64,413,176**	**60,582,352**	**92,479,654**	**121,064,371**	**127,186,429**	**68,561,124**	**70,649,994**	**160,422,776**	**149,213,945**
HARTA TETAP	13,352,804	12,854,441	10,950,040	13,785,187	13,981,481	19,308,830	17,464,063	24,876,772	31,872,623	31,904,770	36,023,183	37,765,820
TANAH DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	-	22,821,973	-	-	22,505	-	-	-	-	-	-	-
ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4,044,228
KOS PEMBANGUNAN	15,728,982	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
PINJAMAN ANGGOTA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	76,306,325	70,819,179
PERBELANJAAN DIBAWA KE HADAPAN	-	153,478	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
LAIN-LAIN PELABURAN	2,667,156	2,886,150	2,363,823	2,388,579	3,084,901	3,093,261	2,652,276	2,652,276	2,652,275	2,966,878	1,576,085	2,324,201
	31,748,942	**38,716,042**	**13,313,863**	**16,173,766**	**17,088,887**	**22,402,091**	**20,116,339**	**27,529,048**	**34,524,898**	**34,871,648**	**113,905,593**	**114,953,428**
HARTA SEMASA												
Pinjaman Anggota	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	10,405,340	9,351,864
Terhutang oleh syarikat berkaitan	-	1,944,967	4,688,052	4,592,636	4,511,285	4,557,712	8,609,172	8,607,714	8,306,267	7,846,945	8,751,763	9,635,192
Penghutang perniagaan	17,034,839	28,924,072	28,817,956	28,237,487	20,605,691	36,575,886	54,649,568	51,647,840	12,425,369	16,710,905	8,275,150	7,474,382
Pelbagai penghutang, pertaruhan dan bayaran terdahulu	850,928	1,706,263	1,913,679	2,626,148	3,036,042	4,901,772	3,078,151	2,500,187	1,942,664	2,329,990	7,912,124	2,103,834
Pertaruhan tetap	2,769,425	1,224,690	2,155,878	3,498,993	2,318,067	3,575,267	27,909,110	28,449,214	96,072	1,375,654	1,877,849	1,409,569
Wang di tangan dan di bank	1,170,767	3,031,028	1,934,983	2,554,582	1,597,625	14,365,091	4,223,401	6,065,364	6,270,453	7,351,846	9,040,253	3,006,215
Inventori	6,534	3,588	10,261	13,245	12,945	11,242	11,156	-	-	135,243	254,704	519,583
Perbelanjaan tanah dan pembangunan	-	-	-	-	-	-	-	-	2,204,525	-	-	-
Cukai Prabayar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	759,878
Jumlah terhutang oleh pembeli untuk kerja-kerja kontrak	-	-	9,423,210	6,716,319	11,411,810	6,090,593	2,467,474	2,387,062	2,790,876	27,763	-	-
	21,832,493	36,834,608	48,944,019	48,239,410	43,493,465	70,077,563	100,948,032	99,657,381	34,036,226	35,778,346	46,517,183	34,260,517
	53,581,435	**75,550,650**	**62,257,882**	**64,413,176**	**60,582,352**	**92,479,654**	**121,064,371**	**127,186,429**	**68,561,124**	**70,649,994**	**160,422,776**	**149,213,945**

Koperasi Shamelin Berhad

(Bil. Pendaftaran 4624)

Ditentukan oleh Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26 yang diadakan pada hari Selasa, 13 Julai 2010 di Bilik Mesyuarat, Koperasi Shamelin Berhad, No. 38-7-4 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur jam 10.00 pagi

BAHAWA KAMI, yang dipilih semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26, telah

i. meneliti, menyemak dan membuat pindaan-pindaan sewajarnya pada draf minit serta

ii. memperakukan pengesahan minit berkenaan.

NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1. YBhg. Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	Pengerusi	
2. YBhg. Dato' Haji Johar bin Haji Rusi	Setiausaha/ Anggota Lembaga	
3. YBhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	Bendahari/ Anggota Lembaga	
4. Tuan Haji Kamarudin bin Md. Noor	Anggota Lembaga	
5. Tuan Haji Mukhtar bin Mahmud	Perwakilan Perak	
6. Encik Mohamed Azahari bin Ab Rajab	Perwakilan Kelantan A	Tidak Hadir Dengan Maaf
7. Tuan Haji Mohd Jais bin Hassan	Perwakilan Terengganu	
8. Encik Ahmad Kamil Saraidin bin Samsudin	Perwakilan Kedah E	
9. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdullah	Perwakilan N. Sembilan	
10. Tuan Haji Abd Rahim bin Haji Abu Bakar	Perwakilan Johor A	

Turut Hadir :

1. Tuan Haji Zaini bin Zainuddin	Pengurus Besar	

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD KE-26
PADA 20 JUN 2010 (AHAD) JAM 8.30 PAGI, BERTEMPAT DI DEWAN BANQUET, TINGKAT 1, KUALA LUMPUR INTERNATIONAL HOTEL
JALAN RAJA MUDA ABD AZIZ, 50738 KUALA LUMPUR

			ANGGOTA	KAD PENGENALAN
PENGERUSI MESYUARAT:				
Haji Ismail bin Muda *(Perwakilan Terengganu)*			22281	511220-11-5059
HADIR :				
A.	**11 daripada 11 orang Anggota Lembaga**			
1.	Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	*(Pengerusi)*	33103	370513-02-5261
2.	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	*(Bendahari)*	10804	470528-02-5035
3.	Dato' Haji Johar bin Haji Rusi	*(Setiausaha)*	22317	491102-06-5139
4.	Haji Shahadan bin Haji Abdul Manas		23456	350411-08-5679
5.	Tan Sri Haji Abdul Rashid binHaji Abdul Rahman		13514	380719-06-5209
6.	Datuk Haji Abu bin Pit		7430	410721-04-5025
7.	Haji Kamarudin bin Md Noor		24768	530515-07-5019
8.	Haji Othman bin Haji Md Isa		22634	410525-02-5019
9.	Hajah Zainab binti Haji Abu		23555	431006-71-5280
10.	Haji Md Akib bin Hashim		19319	521108-02-5319
11.	Haji Ahmad Munir bin Baharin		23319	381130-05-5053
B.	**5 daripada 5 orang Jawatankuasa Audit Dalaman**			
1.	Dato' Haji Azumu bin Tak		28517	360507-08-5007
2.	Haji Abdul Rahim bin Abdul		31290	430916-07-5177
3.	Haji Ramlan bin Tarmom		33085	410308-10-5143
4.	Haji Hasan bin Haji Mat		9418	440419-07-5183
5.	Encik Kasim bin Darus		2536	520927-04-5271
C.	**135 daripada 157 orang Anggota Perwakilan** (Senarai nama seperti di Lampiran 1)			
D.	**7 daripada 12 orang wakil Koperasi Anggota**			
1.	Pertubuhan Peladang Kawasan Beruas (Encik Omar bin Sharif)		8348	470728-08-6289
2.	Koperasi Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia Berhad (Encik Khairul Zaid bin Zulkafli)		31352	640425-08-6707
3.	Koperasi Parit Jawa Muar Berhad (Haji Mastor bin Pardi)		37948	331019-01-5429
4.	Koperasi Pembangunan Daerah Tampin Berhad (Encik Shaharman bin Abu Mansor)		39154	470608-05-5111
5.	Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darulaman Berhad (Dato' Haji Abdullah Sani bin Haji Ibrahim)		42608	411017-11-5055
6.	Koperasi Wanita Negeri Kedah Berhad (Puan Normarena binti Dato' Haji Mat Rejab)		42850	760623-02-5696
7.	Koperasi Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Kedah Berhad (Dato' Haji Wan Mustaffa bin Wan Mahmud)		42771	490202-02-5201

TURUT HADIR :

1. **Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan**
   Datin Romaizah binti Abd Kadir
2. **Wakil Juruaudit Luar-Tetuan AljeffriDean**
   Encik Mohd Neezal bin Noordin
   Cik Zakiah binti Mohd Noor
3. **Wakil Peguam - Tetuan Vasdev Bakshani & Associates**
   Encik Vasdev G. Bakshani
4. **Pengurus Besar Koperasi Shamelin Berhad**
   Haji Zaini bin Zainuddin

KEHADIRAN ANGGOTA PERWAKILAN DI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD KE-26 PADA 20 JUN 2010 (AHAD) JAM 8.30 PAGI, BERTEMPAT DI DEWAN BANQUET, TINGKAT 1, KUALA LUMPUR INTERNATIONAL HOTEL, JALAN RAJA MUDA ABD AZIZ 50738 KUALA LUMPUR

KAWASAN	BIL	NAMA PERWAKILAN	NOMBOR ANGGOTA	NOMBOR KAD PENGENALAN
PERLIS	1.	Haji Mohd Noor bin Bedah	22679	420910-09-5119
	2.	Encik Abi Jamrah bin Ismail	12303	421220-09-5159
	3.	Encik Arof bin Haji Saad	18937	490703-09-5013
	4.	Haji Bahador bin Haji Ayub	9040	381114-09-5055
	5.	Puan Rokiah binti Arof	6459	490810-09-5092
	6.	Encik Anuar Zaki bin Bakar	19022	740121-09-5055
	7.	Haji Ahmad bin Haji Osman	9552	430528-09-5045
KEDAH A	8.	Haji Halim bin Dali	30333	531121-02-5611
	9.	Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa	10803	390106-02-5369
	10.	Encik Ramli bin Kamis	19110	450928-02-5255
	11.	Haji Ismail bin Haji Abdullah	16588	390205-02-5137
	12.	Encik Saarani bin Md Hanafiah	30334	601107-02-5317
KEDAH B	13.	Haji Aziz bin Haji Hashim	3943	440613-02-5155
	14.	Haji Abdul Hamid bin Haji Zainol	16564	470619-02-5225
	15.	Haji Mohd Munir @ Mohamad Mozin bin Shuib	2488	440808-02-5171
	16.	Datin Hajah Che Zaharah binti Said	33178	510119-02-5062
	17.	Encik Mohd Khair bin Zakaria	9531	411106-02-5203
	18.	Encik Hashim bin Omar	42747	581022-02-5101
KEDAH C	19.	Encik Adnan bin Salleh	31212	530108-02-5145
	20.	Haji Zainol Abidin bin Haji Saad	8016	500224-02-5399
	21.	Haji Che Mat bin Hussein	8000	430608-02-5303
	22.	Encik Khairul Anuar bin Haji Awang Ahmad	31213	620920-02-5129
	23.	Haji Md. Noor bin Haroon	13615	480610-07-5145
	24.	Haji Ismail bin Jaafar	7999	390804-02-5227
KEDAH D	25.	Haji Yahaya bin Haji Jaafar	3957	400112-02-5361
	26.	Haji Zakaria bin Haji Yaakob	10134	420520-02-5035
	27.	Encik Mehat bin Ismail	14520	450707-02-5171
	28.	Encik Mohd Zahari bin Osman	29559	600811-02-5711
	29.	Haji Khalid bin Haji Shaari	29932	401017-02-5069
	30.	Haji Baharum bin Haji Ibrahim	14232	440925-02-5349
	31.	Encik Mehad bin Othman @ Man	16970	460505-02-5439
KEDAH E	32.	Encik Ahmad Kamil Saraidin bin Samsudin	22596	481005-05-5267
	33.	Haji Abdul Halim bin Othman	19579	410429-02-5027
	34.	Haji Kasim @ Ahmad bin Awang	19156	470310-02-5059
	35.	Haji Abdullah bin Ahmad	1214	380705-02-5097
	36.	Haji Abdul Rahman bin Salleh	17686	350917-02-5323
KEDAH F	37.	Haji Abd Wahab bin Ahmad	19527	351106-02-5367
	38.	Haji Mohamad Nor bin Haji Ahmad	3985	381229-02-5241
	39.	Haji Mohamad bin Haji Saidin	11823	450725-02-5175
	40.	Hajah Che Su binti Puteh	11944	500312-07-5126
	41.	Hajah Nooraini binti Abdul Mokhti	42143	451102-02-5456
	42.	Haji Alwi bin Mohd Yusop	19561	400701-08-5039
KELANTAN A	43.	Encik Mohamed Azahari bin Ab Rajab	29617	561219-03-5399
	44.	Haji Zainal bin Othman	2567	421006-05-5025
	45.	Puan Wan Azizah binti Wan Mohamad	5348	480504-03-5086
	46.	Encik Mohamad Ropi bin Zakaria	32865	650304-03-5531
	47.	Encik Wan Hamat bin Wan Koloo @ Wan Konok	25158	381201-03-5149
	48.	Haji Othman bin Haji Mohamed	3663	380219-03-5193
KELANTAN B	49.	Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh	31469	481226-03-5119
	50.	Haji Tuan Hamat @ Tuan Mat bin Haji Tuan Sulong	3181	400601-03-5069
	51.	Haji Mustapha bin Salleh	3004	480323-03-5079
	52.	Haji Ab Ghani bin Md Amin	4063	420716-03-5155
	53.	Haji Che Musa bin Ahmad	4180	380930-03-5363

KELANTAN C	54.	Haji Mahmood bin Mohamed	3431	370928-03-5285
	55.	Encik Che Harun bin Che Ngah	2677	430618-03-5193
	56.	Encik Mohamed bin Abas	2794	410331-03-5059
	57.	Haji Abas @ Abbas bin Mamat @ Ahmad	2295	380803-03-5141
TERENGGANU	58.	Haji Mohd Jais bin Hassan	30657	460202-11-5197
	59.	Haji Omar bin Haji Mohd Shah	3673	400924-01-5409
	60.	Haji Ismail bin Muda	22281	511220-11-5059
	61.	Haji Mohamad bin Abd Rahman	32512	540420-11-5021
	62.	Haji Bahari bin Abu	5592	491009-11-5023
	63.	Puan Rozilawati binti Zakaria	41483	780302-11-5808
	64.	Haji Ali bin Omar	5659	410707-11-5023
PULAU PINANG A	65.	Haji Hafiz bin Muhamad Hanan	24891	480123-08-5303
	66.	Haji Arshad @ Zainol bin Darus	5870	360705-07-5141
	67.	Encik Hashim bin Habib	3838	370427-04-5043
	68.	Puan Hajah Mazmin binti Haji Mohd Ariff	24892	401002-07-5194
	69.	Encik Kamarudin bin Md. Saibu	11061	500707-07-5075
	70.	Haji Ridzwan bin Haji Abd. Rashid	4983	401012-07-5147
	71.	Haji Abdullah bin Mohd Sultan	24767	560124-07-5289
PULAU PINANG B	72.	Haji Abdul Rahim bin Abdul	31290	430916-07-5177
	73.	Haji Idrus bin Awang	5706	311106-07-5069
	74.	Hajah Kamareah binti Mohd Idris	24958	450102-07-5168
	75.	Encik Sadri bin Haji Asri	24929	470915-07-5251
	76.	Puan Salmiah binti Md Saman	25053	550503-71-5312
PERAK A	77.	Haji Mukhtar bin Mahmud	10849	360810-08-5923
	78.	Encik Hasri bin Abdul Karim	30616	640317-08-6419
	79.	Tuan Sayed Ahmad Ghazali bin Sayed Othman	22573	540112-08-5991
	80.	Encik Ahmad Muzakir bin Ngahdimin @ Haji Tahir	25770	490311-08-5393
	81.	Haji Zakaria bin Mahat	11472	411112-10-5197
PERAK B	82.	Haji Abu Bakar bin Mohamed Ali	10111	400429-08-5143
	83.	Encik Yazid bin Ismail	27341	630531-08-5469
	84.	Hajah Sharifah Mardziah binti Syed Mohd Nor	22179	450806-08-5452
	85.	Encik Ahmad @ Mahir Afandi bin Harun	29423	381102-08-5335
	86.	Encik Abu Mansor bin Haji Jaafar	5547	371106-08-5405
PAHANG A	87.	Haji Mohidin bin Ibrahim	25434	420311-06-5057
	88.	Encik Rahmat bin Saman	25433	390524-01-5411
	89.	Puan Jariah binti Hashim	25472	500316-06-5144
	90.	Encik Ja'afar bin Omar	32655	600110-01-6011
PAHANG B	91.	Dato' Haji Mohd Amran bin Wahid	26973	611012-06-5251
	92.	Dato' Haji Abdul Ghani bin L. Sulaiman	12390	431004-06-5069
	93.	Cik Norshahsuhaida binti Muhamad Nor	40786	790205-08-5976
SELANGOR A	94.	Encik Sahri bin Siwir	24456	471103-01-5025
	95.	Puan Kesumayati binti Mohd Ambia	31642	500413-07-5168
	96.	Puan Siti Zainon binti Kadiran	29267	611118-10-6816
	97.	Haji Mohammad @ Mohd Atan bin Bahari	39927	421111-10-5135
SELANGOR B	98.	Encik Yacob @ Abbas bin Attan	29114	490903-08-6277
	99.	Encik Khalid bin Md. Ali	27467	460803-08-5659
	100.	Encik Ahmad Shahidan bin Said	27549	591023-02-5081
	101.	Puan Shahrom binti Md Noor	33167	630105-07-5380
	102.	Encik Ibrahim bin Che Ali	5218	380405-03-5015
WILAYAH PERSEKUTUAN	103.	Dr. Haji Arriffin bin Mansor	28209	500712-10-5095
	104.	Hajah Pauziah binti Abu Bakar	23553	421020-08-5060
	105.	Encik Abd Aziz bin Mohd. Salleh	33183	520729-07-5197
	106.	Encik Shafie bin Saad	29078	510427-02-5873
	107.	Haji Halil bin Joria	7277	541007-04-5167
	108.	Encik Abu Bakar bin Basuni	28800	590408-10-6195
	109.	Encik Mohamed Isa @ Azmi bin Saidin	33172	471110-02-5067

NEGERI SEMBILAN	110.	Haji Mohd Yusof bin Daud	23049	390812-05-5055
	111.	Haji Othman bin Haji Adam	33147	351011-05-5045
	112.	Haji Rosli bin Abdul Ghani	893	400826-05-5001
	113.	Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah	1959	420901-05-5289
	114.	Haji Mohd Anuar bin Ujang	23929	480201-05-5223
MELAKA	115.	Haji Ismail bin Mohd Salleh	25667	540728-71-5269
	116.	Encik Jaafar bin Kudus	12927	491210-04-5063
	117.	Hajah Rosni binti Haji Baki	33140	510723-04-5190
	118.	Haji Harun bin Mohd Dom	31609	490908-04-5319
	119.	Encik Rahman bin Mamat	8238	400520-04-5097
JOHOR A	120.	Haji Kassim bin Suang	6603	410501-01-5211
	121.	Haji A. Rahim bin A. Latib	7739	441118-01-5181
	122.	Abd Rahim bin Haji Abu Bakar	25817	440612-01-5393
	123.	Hajah Saadiah @ Sadiah binti Haji Yusof	23345	450710-01-5214
	124.	Encik Shalihuddin bin Abas	33163	600505-01-5195
	125.	Haji Md Nor bin Haji Mujar	39944	410131-01-5475
JOHOR B	126.	Haji Abd Latip bin Md Sa'aid	23372	540316-01-6189
	127.	Haji Mohd. Salleh bin A. Hamid	23382	451125-01-5357
	128.	Haji Noh bin Jaafar	23370	540625-23-5019
	129.	Encik Supok bin Haji Majuhuri	23379	380416-01-5327
	130.	Puan Hasnah binti Haji Baba	23375	480902-01-5590
	131.	Haji Awwaluddin bin Juffery	8378	460605-01-5799
SABAH	132.	Encik Awang Amat bin Awang Taip	33670	630622-12-5569
	133.	Encik Awang Muhamad @ Karim	36422	600421-12-5207
	134.	Puan Alifah @ Yam binti Harsat	33512	680317-12-5314
	135.	Puan Salamah binti Matali	35834	631109-12-5394

AGENDA 1

PESANAN PENGERUSI KOPERASI SHAMELIN BERHAD

Datuk Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad memberi pesanan bahawa semua teguran dan pertanyaan hendaklah dibuat secara berterus terang dan ikhlas. Beliau amat berharap agar para perwakilan yang hadir dapat memberi pandangan dan pendapat dengan tertib serta berhemah agar mesyuarat dapat dijalankan dengan lancar.

Seterusnya beliau meluahkan kekesalan kerana terdapat kempen yang dijalankan dengan memburuk-burukkan dan menjatuhkan air muka pihak lain. Kempen yang tidak sihat ini sesungguhnya boleh merosakkan Koperasi Shamelin Berhad yang selama ini telah berperanan sebagai satu-satunya koperasi yang dapat menyatukan ummah memandangkan anggotanya yang terdiri daripada pelbagai fahaman politik dan latar belakang sosio ekonomi.

Beliau juga membuat penjelasan bahawa usul-usul kawasan yang dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26 ini ialah usu-usul yang telah dicadangkan dan mendapat sokongan anggota semasa Mesyuarat Agung Kawasan dilangsungkan, bukannya usul-usul dari individu atau jawatankuasa kawasan.

Selanjutnya beliau menerangkan bahawa usul yang diterima dari kawasan-kawasan ialah sebanyak 60 usul. Lembaga telah meneliti semua usul tersebut dan memutuskan usul-usul ini dikategorikan sama ada diterima untuk dilaksanakan, ditimbang untuk dilaksanakan di masa hadapan, atau ditolak berasaskan tidak berkeupayaan atau tidak sesuai dilaksanakan. Melalui keputusan itu maka kesemua usul tersebut akan dibentangkan oleh Lembaga untuk didengar, ditimbang dan diputuskan di Mesyuarat Agung Perwakilan ini. Jika inisiatif ini tidak dibuat, ia akan mengambil masa yang panjang untuk membincang dan memutuskan kesemua usul-usul tersebut. Ini merupakan amalan biasa dalam mana-mana pertubuhan bertujuan untuk menjimatkan masa mesyuarat.

Mengenai dividen pula beliau menekankan ia hanya boleh dikeluarkan apabila koperasi memperolehi untung bagi tahun semasa dan mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Dividen tidak boleh dikeluarkan melalui pinjaman bank.

AGENDA 2

MEMILIH SALAH SEORANG DARIPADA PARA PERWAKILAN YANG HADIR (SELAIN DARIPADA ANGGOTA LEMBAGA) UNTUK MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT

Selaras dengan peruntukan undang-undang kecil Koperasi Shamelin Berhad 34(1), **Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad** meminta supaya para perwakilan memilih seorang daripada perwakilan yang hadir yang bukan terdiri daripada Anggota Lembaga untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26 ini.

Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib mencadangkan Perwakilan Terengganu, Haji Ismail bin Muda dipilih sebagai pengerusi mesyuarat.

Perwakilan Kelantan A, Encik Mohamed Azahari bin Ab Rajab menyokong cadangan tersebut.

Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abdul Aziz bin Mohd Salleh mencadangkan Perwakilan Kelantan A, Encik Mohamed Azahari bin Ab Rajab sebagai pengerusi persidangan namun beliau menarik diri.

Perwakilan Pulau Pinang A, Haji Hafiz bin Muhamad Hanan mencadangkan **Perwakilan Kelantan B, Haji Samsuddin bin Haji Mohd Saleh** namun beliau juga menarik diri.

Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah mencadangkan cadangan ditutup dan disokong oleh **Perwakilan Terengganu, Haji Mohd Jais bin Hassan**.

Cadangan ini disokong sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan keputusan tersebut **Perwakilan Terengganu, Haji Ismail bin Muda** dipilih sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26 ini.

AGENDA 3

PENGUMUMAN PENGERUSI MESYUARAT MENGENAI JUMLAH PERWAKILAN YANG HADIR

Haji Ismail bin Muda selaku Pengerusi Mesyuarat Agung Pewakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26 mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan atas pemilihan beliau sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan kali ini.

Beliau menjemput semua perwakilan membacakan Suratul Fatihah untuk dihadiahkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad salallahualaihiwasalam, ibu-bapa dan seterusnya kepada Allahyarham bekas Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad, Dato' Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar dan bekas Anggota Lembaga, Dato' Dr Haji Awang Ahmad bin Sulaiman.

Beliau seterusnya memohon para perwakilan supaya dapat bekerjasama dengan beliau agar Mesyuarat Agung Perwakilan kali ini dijalankan dengan baik, teratur dan mengikut tatacara mesyuarat yang telah dimaklumi oleh sekalian para perwakilan. Selanjutnya beliau berpesan kepada perwakilan yang ingin berucap hendaklah mengangkat tangan dan mendapat izin daripada beliau barulah pergi ke pembesar suara untuk berucap.

Beliau berharap para perwakilan dapat mengikut peraturan dan etika mesyuarat agar Mesyuarat Agung Perwakilan ini dapat diselesaikan dengan cepat memandangkan semua laporan yang terdapat dalam Laporan Tahunan 2009 serta kembaran-kembarannya menepati sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Seterusnya **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan jumlah kehadiran perwakilan seramai 158 orang daripada 185 orang jumlah penuh perwakilan dan mengikut peratusan ialah 85%. Pecahan kehadiran perwakilan tersebut yang telah diumumkan itu ialah seperti berikut:

i) Anggota Lembaga seramai 11 orang daripada 11 orang;
ii) Jawatan Audit Dalaman seramai 5 orang daripada 5 orang;
iii) Anggota Perwakilan seramai 135 daripada 157; dan
iv) Wakil Koperasi Anggota seramai 7 orang daripada 12 orang.

Jumlah kehadiran ialah melebihi kourum satu pertiga dari jumlah penuh anggota perwakilan mengikut undang-undang kecil Koperasi Shamelin Berhad 30(1).

AGENDA 4

MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD KE-26

Pengerusi Mesyuarat meminta para perwakilan untuk mencalonkan enam (6) orang yang terdiri daripada perwakilan yang hadir untuk menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Shamelin Berhad ke-26. Butiran mengenai perkara ini terdapat di **Kembaran 3 (warna kuning)** muka surat 1.

Nama calon-calon tersebut ialah seperti berikut:

Calon Pertama	-	**Haji A. Rahim bin Haji Abu Bakar** *(Perwakilan Johor A)*
Dicadang	-	Haji A. Rahim bin A. Latib *(Perwakilan Johor A)*
Disokong	-	Haji Mastor bin Pardi *(Koperasi Parit Jawa Muar Berhad)*
Calon Kedua	-	**Encik Ahmad Kamil Saraidin bin Samsudin** *(Perwakilan Kedah E)*
Dicadang	-	Haji Abdullah bin Ahmad *(Perwakilan Kedah E)*
Disokong	-	Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah *(Perwakilan Negeri Sembilan)*
Calon Ketiga	-	**Encik Mohamed Azahari bin Ab Rajab** *(Perwakilan Kelantan A)*
Dicadang	-	Haji Mohd Jais bin Hassan *(Perwakilan Terengganu)*
Disokong	-	Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh *(Perwakilan Kelantan B)*
Calon Keempat	-	**Haji Mukhtar bin Mahmud** *(Perwakilan Perak A)*
Dicadang	-	Haji Hafiz bin Muhamad Hanan *(Perwakilan Pulau Pinang A)*
Disokong	-	Encik Yazid bin Ismail *(Perwakilan Perak B)*
Calon Kelima	-	**Haji Mohd Jais bin Hassan** *(Perwakilan Terengganu)*
Dicadang	-	Encik Mohamed Azahari bin Ab Rajab *(Perwakilan Kelantan A)*
Disokong	-	Haji Mukhtar bin Mahmud *(Perwakilan Perak A)*
Calon Keenam	-	**Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah** *(Perwakilan Negeri Sembilan)*
Dicadang	-	Haji Razali bin Abdul Jalil *(Perwakilan Negeri Sembilan)*
Disokong	-	Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh *(Perwakilan Kelantan B)*

Calon Ketujuh - **Encik Khalid bin Ali** *(Perwakilan Selangor B)*
Dicadang - Encik Sahri bin Siwir *(Perwakilan Selangor A)*
Disokong - Haji Mohamamad @ Mohd Atan bin Bahari *(Perwakilan Selangor A)*

Calon Kelapan - **Haji Ahmad bin Haji Osman** *(Perwakilan Perlis)*
Dicadang - Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa *(Perwakilan Kedah A)*
Disokong - Encik Sahri bin Siwir *(Perwakilan Selangor A)*

Calon Sembilan - **Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh** *(Perwakilan Wilayah Persekutuan)*
Dicadang - Encik Abu Bakar bin Basuni *(Perwakilan Wilayah Persekutuan)*
Disokong - Haji Halil bin Joria *(Perwakilan Wilayah Persekutuan)*

Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar seterusnya mencadangkan supaya cadangan pencalonan ditutup. **Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah** menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Setelah undian dibuat **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan enam (6) orang perwakilan berikut yang akan menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26.

	Nama Calon	**Jumlah Undi**
i)	Haji Mukhtar bin Mahmud *(Perwakilan Perak A)*	91
ii)	Encik Mohamed Azahari bin Ab Rajab *(Perwakilan Kelantan A)*	88
iii)	Haji Mohd Jais bin Hassan *(Perwakilan Terengganu)*	78
iv)	Encik Ahmad Kamil Saraidin bin Samsudin *(Perwakilan Kedah E)*	76
v)	Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah *(Perwakilan Negeri Sembilan)*	65
vi)	Haji Abd Rahim bin Haji Abu Bakar *(Perwakilan Johor A)*	54

Pengerusi Mesyuarat seterusnya mengisytiharkan empat (4) orang Anggota Lembaga berikut yang akan menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26.

i) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan
ii) Dato' Haji Rejab bin Kassim
iii) Dato' Haji Johar bin Haji Rusi
iv) Haji Kamarudin bin Md Noor

AGENDA 5

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KHAS KOPERASI SHAMELIN BERHAD BERTARIKH 20 JUN 2009

Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad membentang Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Khas Koperasi Shamelin Berhad, sebagaimana yang terdapat dalam buku Laporan Tahunan 2009, dari muka surat 10 hingga 19 untuk disahkan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26 ini.

- **Perwakilan Johor A, Haji Kassim bin Suang** mencadangkan supaya minit mesyuarat tersebut diterima untuk disahkan.
- **Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah** menyokong ke atas cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan itu, Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Khas Koperasi Shamelin Berhad diterima dan disahkan sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA 6

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD KE-25 BERTARIKH 21 JUN 2009

Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad membentang Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-25, sebagaimana yang terdapat dalam buku Laporan Tahunan 2009, dari muka surat 20 hingga 36 untuk disahkan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26.

- **Perwakilan Terengganu, Mohd Jais bin Hassan** mencadangkan supaya minit mesyuarat tersebut diterima untuk disahkan.
- **Perwakilan Selangor A, Encik Sahri bin Siwir** menyokong ke atas cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan itu, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-25 bertarikh 21 Jun 2009 diterima dan disahkan sebulat suara oleh perwakilan.

AGENDA 7

MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN BERIKUT:

I. LAPORAN LEMBAGA KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA;

II. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN; DAN

III. PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA MENGENAI AKAUN-AKAUN TERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA.

I. LAPORAN LEMBAGA KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad membentang Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad Dan ubsidiari-subsudiarinya dari muka surat 37 hingga 51 sebagaimana yang terdapat dalam buku Laporan Tahunan 2009 untuk ditimbang oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** meminta penjelasan ke atas perkara berikut:
  i. Muka surat 38, mengenai pengiraan kehadiran mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan pengiraan kehadiran mesyuarat Ar-Rahnu;
  ii. Muka surat 42 dan 43, mengenai pembayaran skim khairat kematian; dan
  iii. Muka surat 44, mengenai hartanah dan litigasi.

- **Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad** memberi penerangan ke atas perkara yang dibangkitkan itu seperti berikut:
  i. Terdapat kesilapan pengiraan kehadiran di mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif di muka surat 38 seperti berikut;

     a. Dato' Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar yang sepatutnya 5/5 bukannya 4/4.
     b. Dato' Haji Johar bin Haji Rusi yang sepatutnya 8/8 bukannya 6/6.
     c. Dato Haji Mat Rejab bin Kassim yang sepatutnya 7/8 bukannya 5/6.
     d. Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hasan yang sepatutnya 3/3 bukannya 2/2.

     Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hasan telah menggantikan Allahyarham Dato' Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar sebagai Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad.

     Terdapat kesilapan pengiraan kehadiran di mesyuarat Jawatankuasa Ar-Rahnu di muka surat 38 bagi Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan yang mana sepatutnya 3/3 bukannya 2/3.

     Kesemua kesilapan ini adalah kesilapan menaip.

  ii. Mengenai Skim Khairat Kematian bagi tempoh 6 Julai 2009 hingga 5 Julai 2010 di muka surat 42, sehingga ke tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ini, kesemua tuntutan yang seramai 22 orang telah pun di bayar.

     Bagi Skim Khairat Kematian bertempoh 6 Julai 2008 hingga 5 Julai 2009 di muka surat 43, sehingga ke tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ini, daripada seramai 111 orang yang membuat tuntutan, Koperasi Shamelin Berhad telah mendahulukan pembayaran kepada seramai 63 orang dengan jumlah sebanyak RM500.00 setiap seorang dan baki seramai 48 orang yang membuat tuntutan akan dilaksanakan secepat yang mungkin. Pendahuluan RM500.00 ini dibayar memandangkan manfaat takaful daripada Syarikat Takaful Malaysia Berhad belum lagi diterima.

     Manakala penyertaan Skim Khairat Kematian dengan Etiqa Takaful Berhad bagi tempoh 6 Julai 2009 hingga 5 Julai 2010 tidak memperuntukkan elaun wad harian hospital akibat kemalangan sebagaimana yang pernah diperuntukkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad sebelum ini.

  iii. Mengenai muka surat 44, di bawah tajuk hartanah dan litigasi terdapat kesilapan menaip di bahagian litigasi yang sepatutnya tarikh 31 Disember 2009 dan bukannya 31 Disember 2008.

- **Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah** mempersoalkan tentang cara pemilihan menduduki anggota jawatankuasa kecil yang terdapat di muka surat 38 di bawah tajuk Jawatankuasa Kecil, yang mana kebanyakan jawatan-jawatan ini dijawat oleh Lembaga dan sedikit sangat oleh perwakilan.

- **Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad** memberi penjelasan ke atas isu yang dibangkitkan itu yang mana pelantikan anggota jawatankuasa kecil khususnya menduduki jawatan pengerusi di setiap jawatankuasa kecil adalah budi bicara

Lembaga Koperasi Shamelin Berhad. Namun begitu perwakilan di setiap kawasan diberi peluang untuk menduduki sama ada menjadi anggota jawatankuasa kecil, Lembaga Pengarah subsidiari, atau pun anggota Jawatankuasa Audit Dalaman.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh** ingin mendapatkan kepastian sama ada kesemua anggota Lembaga sekarang ini telah menghadiri kursus wajib 'Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi', di mana beliau berpendapat sekiranya anggota Lembaga gagal menghadiri kursus ini tidak layak memegang jawatan anggota Lembaga.

- **Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad** mengesahkan anggota Lembaga yang sedia ada ini telah menghadiri kursus wajib sepertimana yang dinyatakan itu.

- **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** membangkitkan kesilapan pengiraan kehadiran jawatankuasa kecil yang terdapat di muka surat 38 yang mana perkara ini tidak seharusnya berlaku. Beliau juga membangkitkan tentang pelantikan perwakilan sebagai anggota jawatankuasa kecil yang mana banyak dimonopoli oleh Lembaga dan terdapat juga perwakilan yang dilantik tidak menghadiri mesyuarat. Seterusnya beliau menekankan sesiapa yang dilantik itu mestilah bertanggungjawab dan sanggup menghadiri mesyuarat.

- **Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad** mohon maaf atas kesilapan pengiraan itu disebabkan kesilapan menaip dan perkara ini akan diambil perhatian di masa hadapan. Mengenai pelantikan perwakilan seperti mana yang dibangkitkan itu beliau sekali lagi memaklumkan yang perkara ini juga akan diambil perhatian oleh Lembaga.

- **Perwakilan Kelantan A, Haji Zainal bin Othman** membangkitkan di mana beliau pernah dilantik sebagai salah seorang anggota Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Anggota bagi penggal 2006-2007. Beliau telah diberikan surat pelantikan dan mengesahkan penerimaan pelantikan. Namun beliau tidak pernah dijemput untuk menghadiri mesyuarat. Oleh yang demikian jika kehadiran mesyuarat menjadi isu maka di mana kewajaran mempersoalkan pelantikan berasaskan kepada kehadiran mesyuarat.

- **Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad** memberi penjelasan di mana ketika itu memang perwakilan Kelantan A, Haji Zainal bin Othman telah dilantik sebagai salah seorang anggota Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal Anggota bagi penggal 2006-2007. Namun pada penggal tersebut tiada mesyuarat diadakan disebabkan Pengerusinya Dato' Seri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman menerima rawatan di luar negara.

- **Perwakilan Pulau Pinang A, Haji Hafiz bin Muhamad Hanan** mencadangkan supaya ketiga-tiga jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Perjawatan & Kebajikan Kakitangan dan Hal Ehwal & Kebajikan Anggota, Jawatankuasa Kecil Perjawatan dan Kebajikan Kakitangan dan Jawatankuasa Kecil Hal Ehwal dan Kebajikan Anggota dijadikan di bawah satu jawatankuasa kecil sahaja seperti mana yang terdapat di muka surat 38. Dengan cadangan ini boleh menjimatkan masa dan perbelanjaan serta dapat mengatasi masalah kehadiran mesyuarat.

- **Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad** mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang bernas itu dan sebenarnya jawatankuasa kecil-jawatankuasa kecil tersebut telah pun disatukan seperti yang terdapat di muka surat 38, Perkara 2.

II. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman, Dato' Haji Azumu bin Tak membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dari muka surat 52 hingga 53 sebagaimana yang terdapat dalam buku Laporan Tahunan 2009 untuk ditimbang oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh** ingin mendapatkan maklumat berikut;
  i. Perancangan kerja-kerja auditan tahunan;
  ii. Jumlah laporan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dimajukan kepada Lembaga; dan
  iii. Laporan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebanyak dua (2) kali setahun iaitu setiap enam (6) bulan sekali. Laporan ini penting bagi memastikan perjalanan pengurusan dan pentadbiran Koperasi Shamelin Berhad dalam keadaan baik.

- **Dato' Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman** memaklumkan Jawatankuasa Audit Dalaman memang ada dan mempunyai perancangan kerja-kerja auditan tahunan dan Jawatankuasa Audit Dalaman telah memajukan sebanyak enam (6) laporan kepada Lembaga. Selanjutnya beliau mengesahkan Jawatankuasa Audit Dalaman belum menyediakan laporan untuk dimajukan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang mana ia memerlukan masa untuk disediakan.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr Haji Arriffin bin Mansor** ingin mendapatkan penjelasan mengenai dua (2) perkara berikut:

  i. Pelaburan jongkong emas yang dibuat oleh Koperasi Shamelin Berhad, KSB Hartanah Sdn Bhd dan beberapa individu, dan difahamkan pada awal tahun 2009 beberapa pembayaran telah dibuat kepada Koperasi Shamelin Berhad, KSB Hartanah Sdn Bhd dan beberapa individu di kalangan Lembaga dan pengurusan; dan

ii. Pinjaman tidak berbayar atau NPL ('non-performing loan') ke atas pinjaman di bawah skim kemudahan kredit yang dijalankan yang mana dilaporkan jumlahsiberhutang ialah sebanyak RM94.0 juta dan tidak nampak hutang lapuk diperuntukkan di dalam penyata kewangan.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** ingin mendapatkan penjelasan tentang maksud tindakan drastik yang diambil ke atas peminjam-peminjam yang tidak membayar pinjaman seperti mana yang dilaporkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman di muka surat 53.

- **Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Abdul Malik bin Abdullah** ingin mendapatkan penjelasan daripada Lembaga mengenai prosedur pelantikan anggota Jawatankuasa Audit Dalaman mengikut pindaan akta baru yang mana ini amat penting supaya anggota Jawatankuasa Audit Dalaman dapat menjalankan tugas dengan baik dan tidak berpihak kepada Lembaga.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Shafie bin Saad** ingin mendapatkan penjelasan tentang perniagaan yang dijalankan oleh subsidiari-subsidiari terutamanya Shamelin Bina Sdn Bhd yang mana tiada laporan dimuatkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

- **Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman** mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan yang mengambil bahagian dalam pembentangan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman. Beliau memuji **Pengerusi Mesyuarat** yang begitu cekap mengendalikan mesyuarat dan telah mengingatkan para perwakilan supaya perkara dan masalah lama tidak perlu dibangkitkan lagi. Perkara yang dibangkitkan oleh **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** adalah isu lama yang mana semua perwakilan tahu. Tetapi jika beliau hendakkan penerangan yang jelas, eloklah beliau berunding dahulu dengan **Pengerusi Mesyuarat.**

  Beliau seterusnya memuji keprihatinan **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** yang mana maksud tindakan drastik yang diambil itu ialah apa saja tindakan munasabah yang diambil oleh Lembaga untuk mendapatkan balik bayaran pinjaman yang tertunggak daripada peminjam. Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman berpendapat tindakan yang telah diambil termasuk menggunakan khidmat firma guaman adalah memuaskan.

III. PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA MENGENAI AKAUN-AKAUN TERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad telah membentang Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai Akaun-akaun Teraudit dan Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan Subdiari-subsidiarinya sepertimana yang terdapat dalam Laporan Tahunan 2009, muka surat 54 hingga 58.

Menurut beliau, pandangan mengenai akaun beraudit bagi tahun 2009 belum lagi diterima. Pandangan ini akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad pada tahun hadapan untuk diteliti oleh para perwakilan setelah menerimanya daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia kelak.

Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang terdapat di muka surat 54 hingga 57 adalah Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2008.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh** mencadangkan supaya dimuatkan maklum balas daripada Lembaga ke atas Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga operasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2008 ke dalam buku Laporan Tahunan 2009 ini.

  Beliau juga mencadangkan supaya Lembaga memberi maklum balas ke atas Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2009 yang akan diterima kelak dan dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad pada tahun hadapan.

- **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Idrus bin Awang** ingin mendapatkan penjelasan mengapa muka surat 55 dan 56 buku Laporan Tahunan 2009 mempunyai kandungan yang sama.

- **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** memberi respon ke atas perkara yang dibangkitkan oleh **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Idrus bin Awang** yang mana beliau berpendapat Lembaga tidak sempat untuk menyemak sebelum dihantar cetak.

  Seterusnya beliau membangkitkan mengapa tidak menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke atas pandangan mereka mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2008.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** membangkitkan perkara yang sama di muka surat 55 dan 56 buku Laporan Tahunan 2009 yang bertindih dan meminta muka surat sebenarnya dibentangkan.

- **Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad** memaklumkan sememangnya terdapat kesilapan di muka surat 56 yang mana ia terulang daripada muka surat 55. Beliau memohon maaf bagi pihak pengurusan di atas kesilapan ini. Bagaimana pun beliau menjelaskan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2008 yang terdapat di dalam buku Laporan Tahunan 2009 itu telah pun dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-25 pada tahun lepas. Tiada respon Lembaga dibentangkan ke atas pandangan ini disebabkan tiada teguran dibuat oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2008.

  Beliau seterusnya memaklumkan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2009 yang akan diterima kelak itu akan dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad pada tahun hadapan berserta dengan respon Lembaga jika perlu.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh** memohon wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk memberi penjelasan mengenai Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2008.

- **Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Datin Romaizah binti Abdul Kadir** menjelaskan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2008 dikeluarkan oleh ibu pejabat bukannya daripada cawangan Wilayah Persekutuan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Seterusnya beliau memaklumkan salinan asal pandangan ini ada difailkan di pejabat dan oleh itu beliau tidak dapat membuat perbandingan.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr Haji Arriffin bin Mansor** menanyakan kepada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia, mengapa Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2009 tidak dapat diserahkan kepada Koperasi Shamelin Berhad sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan ke-26 ini.

- **Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Datin Romaizah binti Abdul Kadir** memohon maaf bagi pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia kerana tidak dapat mengeluarkan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2009 disebabkan ibu pejabat sedang sibuk berpindah ke pejabat baru. Permasalahan ini bukan sahaja dihadapi oleh Koperasi Shamelin Berhad malah koperasi-koperasi lain terutamanya koperasi-koperasi yang dikategorikan sebagai 100 koperasi terbaik di Malaysia, yang mana penelitian yang lebih mendalam diperlukan ke atas akaun-akaun teraudit koperasi-koperasi ini.

  Beliau selanjutnya menyarankan supaya Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya untuk tahun kewangan 2009 yang akan diterima kelak itu dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad pada tahun hadapan.

  Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh menyarankan supaya semua persoalan yang dibangkitkan oleh perwakilan itu diambil perhatian dan tindakan oleh Lembaga dan seterusnya beliau mencadangkan supaya Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya, Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Mengenai Akaun-akaun Teraudit dan Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya diterima.

  Perwakilan Perlis, Encik Arof bin Haji Saad, menyokong ke atas cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

  Dengan itu, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya, Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Mengenai Akaun-akaun Teraudit dan Laporan Lembaga Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya sebagaimana yang dibentang itu diterima.

AGENDA 8

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BERSERTA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT LUAR, CADANGAN PEMBERIAN DIVIDEN DAN PEMBERIAN HONORARIUM KEPADA LEMBAGA

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad membentang Akaun-akaun teraudit Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya berserta dengan laporan juruaudit luar, cadangan pemberian dividen dan pemberian honorarium kepada Lembaga seperti mana yang terdapat di dalam buku Laporan Tahunan 2009 di muka surat 59 hingga 187 untuk ditimbang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26 ini.

Beliau juga memaklumkan terdapat beberapa kesilapan menaip ke atas akaun teraudit yang dibentangkan itu dan pembetulannya adalah seperti mana yang dibentangkan di **Kembaran 2 (warna hijau muda)** bertajuk Ralat Laporan Kewangan. Kesilapan- kesilapan ini adalah tidak disengajakan dan beliau memohon maaf bagi pihak pengurusan dan Lembaga. Beliau menambah laporan kewangan ini disediakan dengan niat jujur dan ikhlas tanpa menyembunyikan fakta dan penyelewengan.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr Haji Arriffin bin Mansor** melahirkan kurang yakin tentang ketepatan akaun yang disediakan oleh pihak pengurusan dan diaudit oleh juruaudit luar. Ekoran ini beliau ingin mendapatkan penjelasan ke atas perkara-perkara berikut:

  i. Muka surat 66 di bawah tajuk Penyata Pendapatan Kumpulan, hasil kendalian pada tahun 2008 ialah sebanyak RM23.7 juta dan pada tahun 2009 pula ialah sebanyak RM14.3 juta. Hasil kendalian telah jatuh hampir 50% tetapi peratusan keuntungan dari pembiayaan ke atas hasil jualan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 4% manakala bagi tahun 2009 ialah sebanyak 24%. Beliau ingin mendapatkan penjelasan bagaimana hasil kendalian yang lebih rendah mendapat keuntungan sebanyak 6 kali ganda.
  ii. Merujuk kepada muka surat yang sama dan muka surat 62 di bawah tajuk Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2009, jumlah penghutang meningkat kepada RM93.9 juta pada tahun 2009 daripada RM14.8 juta pada tahun 2008. Beliau ingin mendapatkan penjelasan mengenai perkara ini.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** ingin mendapatkan penjelasan ke atas tiga (3) perkara berikut:

  i. Laporan kewangan yang dibentangkan telah pun ditandatangani oleh Lembaga dan juruaudit luar tetapi jika ada berlaku pindaan bolehkah laporan kewangan ini digunapakai selaras dengan Akta Koperasi 1993 Seksyen 58 termasuk seksyen 49 serta undang-undang kecil Koperasi Shamelin Berhad 53 (1).
  ii. Merujuk Ralat Laporan Kewangan (Kembaran 2) di muka surat 3, **Nombor 5 Muka surat 88 - Nota 22. Pelbagai Sipiutang**, terdapat di bawah sub-tajuk Asal dan Sepatutnya dicatatkan kesemuanya tahun 2009.
  iii. Merujuk Ralat Laporan Kewangan (Kembaran 2) di muka surat 3, **Nombor 4 Muka surat 86 - Nota 17. Sipiutang Sewabeli**, terdapat di bawah sub-tajuk Asal dan Sepatutnya tiada tahun 2008 dicatatkan.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh** ingin mendapatkan penjelasan mengapa tidak diperuntukkan hutang lapuk di dalam akaun beraudit yang dibentangkan itu.

- **Perwakilan Perak A, Haji Zakaria bin Mahat** telah menyentuh ucapan YBhg. Datuk Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad mengenai perniagaan skim kemudahan kredit Koperasi Shamelin Berhad dan kesannya ekoran daripada penguatkuasaan GP7, iaitu Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam oleh Koperasi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang akan berkuatkuasa pada 1 Julai 2010. Seterusnya beliau mengaitkan perkara ini dengan beberapa persoalan di muka surat 72 dan 73, Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2009, seperti berikut:

  i. Penambahan dalam siberhutang Koperasi yang amat mendadak daripada RM6.8 juta bagi tahun 2008 kepada RM80.9 juta bagi tahun 2009. Begitu juga siberhutang Kumpulan, daripada RM1.9 juta bagi tahun 2008 kepada RM84.2 juta bagi tahun 2009;
  ii. Penambahan dalam sipiutang Koperasi yang amat mendadak iaitu daripada RM4.9 juta bagi tahun 2008 kepada RM40.1 juta bagi tahun 2009. Begitu juga sipiutang Kumpulan, daripada RM5.3 juta bagi tahun 2008 kepada RM44.0 juta bagi tahun 2009.
  iii. Aliran tunai yang digunakan untuk aktiviti operasi Koperasi meningkat mendadak iaitu daripada RM0.997 juta bagi tahun 2008 kepada RM39.1 juta bagi tahun 2009.

  Beliau seterusnya menyatakan kedudukan jumlah wang di tangan Koperasi adalah sebanyak RM7.3 juta walhal aliran tunai digunakan untuk aktiviti operasi berjumlah RM39.1 juta. Ini menunjukkan Koperasi menggunakan wang pinjaman daripada beberapa buah bank untuk menanggung aktiviti tersebut dengan membuat pinjaman dan sudah pasti dicagarkan harta yang mana bagi tahun 2009 berjumlah sebanyak RM50.0 juta.

  Beliau menyarankan agar Lembaga mengambil perhatian mengenai perkara-perkara di atas agar keadaan kewangan Koperasi Shamelin Berhad tidak terjejas dan Koperasi Shamelin Berhad tidak menghadapi masalah di kemudian hari.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** ingin mendapatkan penjelasan ke atas Fi CTOS yang terdapat di muka surat 69.

- **Perwakilan Kedah F, Haji Alwi bin Mohd Yusof** telah menegur mengenai penggunaan istilah siberhutang dan sipiutang yang terdapat di dalam akaun beraudit yang mana beliau berpendapat istilah yang betul ialah penghutang dan pemiutang. Beliau seterusnya menyarankan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia supaya menyelaraskan istilah-istilah ini.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh** telah membangkitkan penyata projek penternakan ikan keli yang terdapat di muka surat 97 dan ingin mendapatkan penjelasan mengapa projek ini mengalami kerugian.

  Seterusnya beliau ingin mendapatkan penjelasan sama ada diperuntukkan rosot nilai ke atas projek ini serta jumlah penyewaan tapak sebanyak RM30 ribu bertempoh berapa lama.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr Haji Arriffin bin Mansor** membangkitkan tentang prestasi anak-anak syarikat Koperasi Shamelin Berhad yang rata-rata tidak menghasilkan keuntungan selama ia wujud dan mengikut kajian beliau tidak pernah ada dividen diberikan kepada Koperasi. Jika keadaan ini berlarutan beliau mencadangkan elok sahaja ditutup anak-anak syarikat tersebut.

  Kenyataan beliau itu dikaitkan dengan muka surat 64 yang mana untung terkumpul Koperasi ialah sebanyak RM1.5 juta tetapi di peringkat Kumpulan telah mengalami kerugian sebanyak RM2.7 juta.

  Seterusnya beliau menyatakan jika berkeadaan begini bagaimana perwakilan hendak meluluskan dividen dan honorarium pada Lembaga.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** ingin mendapatkan penjelasan mengapa jumlah perbelanjaan projek penternakan ikan keli yang dicatatkan di muka surat 69 dan muka surat 97 berbeza RM1.00.

- **Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad** memberi respon ke atas kesemua persoalan yang dibangkitkan oleh beberapa orang perwakilan itu seperti berikut:

  A. Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor

  i. Terdapat pengurangan hasil kendalian bagi 2009 berbanding tahun 2008 adalah disebabkan jumlah pengeluaran pinjaman bagi tahun 2009 berkurang. Namun keuntungan bagi tahun 2009 lebih tinggi daripada tahun 2008 adalah disebabkan jumlah keuntungan daripada pembiayaan melalui instrumen kewangan "Asset Backed Securities" berjumlah RM3.2 juta dimasukkan ke dalam pendapatan bagi tahun 2009. Sebagai makluman pembiayaan skim kemudahan kredit yang menggunakan instrumen kewangan "Asset Backed Securities" telah bermula pada Januari 2007 yang mana "receivables" berjumlah RM25.0 juta ini telah dijual sebagai bon.

  ii. Jumlah siberhutang meningkat pada tahun 2009 adalah disebabkan sejumlah "receivables" telah dijual kepada AlRajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd yang mana "receivables" ini dibeli daripada Deutsche Bank yang tidak dijual ke pasaran bon; dan "receivables" daripada Dana Bank Kerjasama Rakyat (Malaysia) Bhd telah meningkat melalui pengeluaran pinjaman skim kemudahan kredit. Lain-lain adalah berbentuk wang tahanan dan "receivables" daripada Dana Dalaman. Butiran jumlah-jumlah ini adalah seperti di jadual berikut:

	Tahun 2009(RM) juta	**Tahun 2008(RM) juta**
Dana BKRM	35.8	6.8
Dana Dalaman	7.0	8.0
Dana AlRajhi	44.0	-
Wang Tahanan & Kutipan Dana AlRajhi	3.9	-
Wang Tahanan Deutsche Bank	3.2	-
Jumlah	**93.9**	**14.8**

  B. Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar

  Akaun teraudit yang dibentangkan dalam buku Laporan Tahunan 2009 adalah salinan yang ditaip semula daripada akaun teraudit yang disediakan oleh juruaudit luar. Perkara pindaan di bawah Ralat Laporan Kewangan yang disebut di sini adalah membetulkan kesilapan-kesilapan menaip. Dengan ini tidak timbul masalah laporan kewangan yang dibentangkan dan telah ditandatangani oleh Lembaga dan juruaudit luar itu ke atas salinan asal akaun teraudit yang disediakan oleh juruaudit luar.

  C. Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh

  Lembaga akan menimbang memperuntukkan hutang lapuk bagi perniagaan skim kemudahan kredit pada tahun hadapan setelah semua usaha untuk mendapatkan balik bayaran ke atas pinjaman-pinjaman yang tidak berbayar telah dilaksanakan.

D. Perwakilan Perak A, Haji Zakaria bin Mahat

i. Penambahan jumlah siberhutang Koperasi dan Kumpulan meningkat pada tahun 2009 adalah disebabkan terutamanya peningkatan jumlah "receivables" seperti mana yang diterangkan bagi jawapan persoalan yang ditimbulkan oleh **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** mengenai peningkatan jumlah siberhutang.

ii. Penambahan jumlah sipiutang Koperasi dan Kumpulan meningkat pada tahun 2009 adalah disebabkan terutamanya pinjaman yang diambil daripada AlRajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd bagi pembelian "receivables" dari Deutsche Bank berjumlah RM29.0 juta. Selain daripada itu adalah disebabkan peningkatan pinjaman dari Bank Kerjasama Rakyat (Malaysia) Bhd sebanyak RM11.5 juta untuk menjalankan perniagaan skim kemudahan kredit.

iii. Peningkatan jumlah aliran tunai yang digunakan untuk aktiviti operasi bagi tahun 2009 adalah kesan seperti mana dijelaskan di bahagian ii. di atas.

E. Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar

Fi CTOS ialah fi perkhidmatan yang dibayar kepada syarikat CTOS Business System Sdn Bhd bagi mendapatkan maklumat wajar kredit pemohon bagi mendapatkan pinjaman peribadi di bawah skim kemudahan kredit.

F. Perwakilan Kedah F, Haji Alwi bin Mohd Yusof

Penggunaan istilah yang betul akan dilakukan pada tahun hadapan selaras dengan piawaian yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

G. Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh

Seperti lazimnya sesuatu projek yang dijalankan khususnya projek besar yang berdaya maju, keuntungan akan diperolehi selepas dua hingga tiga tahun dijalankan. Mengenai projek penternakan ikan keli ini penternakan ikan bermula pada bulan September 2009, dan mula dituai dan dijual pada bulan Disember 2009. Perbelanjaan modal perniagaan ini tidak dirosot nilaikan ketika ini tetapi dimasukkan ke dalam pelaburan. Mengenai pembayaran RM30 ribu ke atas penyewaan tapak ialah pembayaran bagi tempoh selama tiga tahun.

H. Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor

Lembaga akan mengambil perhatian ke atas perkara yang dibangkitkan terhadap prestasi anak-anak syarikat Koperasi Shamelin Berhad.

I. Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar

Perbezaan sebanyak RM1.00 itu adalah disebabkan kesilapan menaip.

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad menambah bahawa bayaran dividen sebanyak 10% dan bayaran honorarium kepada Lembaga telah pun dimasukkan ke dalam akaun teraudit ini dan terpulanglah kepada Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ini untuk meluluskannya sebelum diserahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk mendapatkan kelulusan selanjutnya. Pada pandangan Lembaga penyediaan laporan kewangan ini tidak menyalahi mana-mana peraturan dan bolehlah perwakilan menimbang dan meluluskan akaun teraudit ini.

Selain itu seperti mana yang disebutkan oleh Datuk Pengerusi Koperasi Shamelin Berhad tentang kemungkinan perniagaan skim kemudahan kredit akan menguncup yang akan memberi kesan kepada keuntungan keseluruhan Koperasi Shamelin Berhad, dan sebagai usaha bagi mengatasi masalah ini, Lembaga akan meningkatkan usaha perniagaan pembangunan hartanah, Ar-Rahnu dan lain-lain perniagaan yang difikirkan sesuai supaya keuntungan Koperasi dapat dikekalkan.

- **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** mencadangkan supaya Akaun-Akaun Teraudit Koperasi Shamelin Berhad Dan Subsidiari-Subsidiarinya Berserta Dengan Laporan Juruaudit Luar, Cadangan Pemberian Dividen Dan Pemberian Honorarium Kepada Lembaga diluluskan.

- **Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Abd Malik bin Abdullah** menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan ini, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan Akaun-Akaun Teraudit Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-Subsidiarinya Berserta Dengan Laporan Juruaudit Luar, Cadangan Pemberian Dividen dan Pemberian Honorarium Kepada Lembaga seperti mana yang dibentangkan itu diterima dan diluluskan.

AGENDA 9

MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2010 DAN 2011

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad membentangkan Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2010 dan 2011 seperti mana yang terdapat dalam buku Laporan Tahunan 2009 dari muka surat 188 hingga 196.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh** memberi komen tentang format pembentangan belanjawan 2009 agak bercelaru. Selanjutnya beliau merujuk kepada muka surat 194 di bawah Belanjawan Shamelin Bina Sdn Bhd yang mencadangkan pindaan bagi perbelanjaan pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dari RM270,000.00 kepada RM406,800.00 bagi tahun 2010 dan seterusnya dicadang untuk dinaikkan kepada RM685,200.00 bagi tahun 2011.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** meminta Lembaga Koperasi Shamelin Berhad, Lembaga Pengarah Shamelin Bina Sdn Bhd dan Jawatankuasa Audit Dalaman melihat dengan teliti belanjawan Shamelin Bina Sdn Bhd yang dibentangkan itu dan mengingatkan sekiranya belanjawan ini diluluskan maka ia memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah Shamelin Bina Sdn Bhd untuk membelanjakannya.

  Beliau seterusnya membangkitkan hasil jualan yang dicapai oleh Shamelin Bina Sdn Bhd pada tahun 2009 ialah sebanyak RM5.8 juta dan meragui ramalan peningkatan jualan kepada RM41.6 juta bagi tahun 2011. Beliau ingin menarik perhatian kerugian terkumpul Shamelin Bina Sdn Bhd masih ada sebanyak RM618,792.00 tetapi berbelanja besar dengan iklan-iklan yang dikeluarkan. Koperasi Shamelin Berhad tidak pernah mendapat laba daripada anak syarikat ini dan kedudukan ini membuatkan Koperasi Shamelin Berhad masih berkerugian ke atas pelaburan modal berbayar sebanyak RM1.0 juta.

  Beliau seterusnya melahirkan dukacitanya yang mana anggota Koperasi Shamelin Berhad tidak dapat merasakan manfaat daripada anak syarikat ini tetapi ramai individu lain mendapat laba seperti kereta, melancong dan lain-lain lagi.

- **Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad** mengucapkan terima kasih ke atas pandangan yang diberikan oleh dua orang perwakilan Wilayah Persekutuan itu yang mana beliau akan membawa perkara ini untuk dibincangkan ke peringkat Lembaga. Beliau telah memaklumkan pernah hadir dua tiga kali di mesyuarat Shamelin Bina Sdn Bhd dan telah dilaporkan sehingga kini berjaya mendapat untung bersih RM300,000.00. Seterusnya beliau yakin sasaran jumlah jualan sebanyak RM24.7 juta dapat dicapai dan boleh memberi sumbangan dividen RM1.0 juta kepada Koperasi Shamelin Berhad pada tahun ini.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Shafie bin Saad** meminta agar perjalanan perniagaan "multilevel marketing" oleh Shamelin Bina Sdn Bhd dipantau dan dikaji balik oleh Lembaga. Beliau telah membangkitkan semasa pelancaran dahulu ramai anggota Koperasi Shamelin Berhad telah memasuki program MLM ini dengan membayar sejumlah wang tetapi kini dipinggirkan. Beliau seterusnya meminta supaya perhubungan yang dahulu itu disambung semula dan anggota Koperasi Shamelin Berhad diberikan keutamaan di dalam program ini.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** mencadangkan supaya Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2010 dan 2011 diterima dan diluluskan.

- **Perwakilan Terengganu, Haji Mohd Jais bin Hassan** menyokong ke atas cadangan ini dan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

Dengan ini, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-Subsidiarinya Bagi Tahun 2010 Dan 2011 seperti mana yang dibentangkan itu diterima dan diluluskan.

AGENDA 10

MEMILH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA MENURUT UNDANG-UNDANG KECIL 37(1) DAN MEMILIH DUA (2) ORANG ANGGOTA LEMBAGA MENURUT UNDANG-UNDANG KECIL 37 (2)

Pengerusi Mesyuarat mengumumkan empat (4) orang anggota Lembaga berikut menurut Undang-undang Kecil Koperasi Shamelin Berhad 37(1) akan mengosongkan jawatan dan layak untuk dipilih semula.

i. Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman
ii. Haji Shahadan bin Haji Abdul Manas
iii. Datuk Haji Abu bin Pit
iv. Haji Othman bin Haji Md Isa

Seterusnya **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan kekosongan dua (2) jawatan anggota Lembaga menurut Undang-undang Kecil Koperasi Shamelin Berhad 37(2) bagi menggantikan dua (2) orang mantan Anggota Lembaga berikut:

i. Allahyarham Dato' Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar
ii. Allahyarham Dato' Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Sulaiman

Pengerusi Mesyuarat juga memaklumkan Haji Ahmad Munir bin Baharin yang telah dilantik menggantikan Allahyarham Dato' Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar akan mengosongkan jawatan dan layak untuk dipilih semula.

Nama calon-calon yang telah dicalonkan bagi mengisi enam (6) kekosongan jawatan anggota Lembaga itu ialah seperti berikut:

Calon Pertama	-	**Dr. Haji Arriffin bin Mansor** *(Perwakilan Wilayah Persekutuan)*
Dicadang	-	Encik Abd Aziz bin Mohd Salleh *Perwakilan Wilayah Persekutuan)*
Disokong	-	Encik Abu Bakar bin Basuni *(Perwakilan Wilayah Persekutuan)*
Calon Kedua	-	**Haji Ahmad Munir bin Baharin** *(Anggota Lembaga)*
Dicadang	-	Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah *(Perwakilan Negeri Sembilan)*
Disokong	-	Haji Mohd Yusof bin Daud *(Perwakilan Negeri Sembilan)*
Calon Ketiga	-	**Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh** *(Perwakilan Kelantan B)*
Dicadang	-	Haji Che Musa bin Ahmad *(Perwakilan Kelantan B)*
Disokong	-	Encik Shafie bin Saad *(Perwakilan Wilayah Persekutuan)*
Calon Keempat	-	**Datuk Haji Abu bin Pit** *(Anggota Lembaga)*
Dicadang	-	Encik Abd Rahman bin Mamat *(Perwakilan Melaka)*
Disokong	-	Haji Hafiz bin Muhamad Hanan *(Perwakilan Pulau Pinang A)*
Calon Kelima	-	**Haji Shahadan bin Haji Abdul Manas** *(Anggota Lembaga)*
Dicadang	-	Haji Hafiz bin Muhamad Hanan *(Perwakilan Pulau Pinang A)*
Disokong	-	Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah *(Perwakilan Negeri Sembilan)*
Calon Keenam	-	**Haji Hashim bin Omar** *(Perwakilan Kedah B)*
Dicadang	-	Encik Mohd Khair bin Zakaria *(Perwakilan Kedah B)*
Disokong	-	Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa *(Perwakilan Kedah A)*
Calon Ketujuh	-	**Haji Othman bin Haji Md Isa** *(Anggota Lembaga)*
Dicadang	-	Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa *(Perwakilan Kedah A)*
Disokong	-	Encik Yaacob @ Abbas bin Attan *(Perwakilan Selangor B)*
Calon Kelapan	-	**Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman** *(Anggota Lembaga)*
Dicadang	-	Haji Kamarudin bin Md Noor *(Anggota Lembaga)*
Disokong	-	Datuk Haji Abu bin Pit *(Anggota Lembaga)*
Calon Kesembilan	-	**Dato' Haji Azumu bin Tak** *(Jawatankuasa Audit Dalaman)*
Dicadang	-	Haji Abdullah bin Ahmad *(Perwakilan Kedah E)*
Disokong	-	Haji Zakaria bin Mahat *(Perwakilan Perak A)*
Calon Kesepuluh	-	**Haji Ismail bin Muda** *(Perwakilan Terengganu)*
Dicadang	-	Haji Mohd Jais bin Hassan *(Perwakilan Terengganu)*
Disokong	-	Haji A. Rahim bin Abu Bakar *(Perwakilan Johor A)*
Calon Kesebelas	-	**Haji A. Rahim bin A. Latip** *(Perwakilan Johor A)*
Dicadang	-	Haji A. Rahim bin Abu Bakar *(Perwakilan Johor A)*
Disokong	-	Haji Mastor bin Pardi *(Wakil Koperasi Parit Jawa Muar Berhad)*
Calon Kedua belas	-	**Encik Sahri bin Siwir** *(Perwakilan Selangor A)*
Dicadang	-	Haji Mohamad@Mohd Atan bin Bahari *(Perwakilan Selangor A)*
Disokong	-	Puan Siti Zainon binti Kadiron *(Perwakilan Selangor A)*

Calon Ketiga belas - **Haji Zainal bin Othman** *(Perwakilan Kelantan A)*
Dicadang - Encik Mohamed Azahari bin Ab Rajab *(Perwakilan Kelantan A)*
Disokong - Haji Othman bin Mohamed *(Perwakilan Kelantan A)*

Calon Keempat belas - **Encik Adnan bin Salleh** *(Perwakilan Kedah C)*
Dicadang - Haji Halim bin Dali *(Perwakilan Kedah A)*
Disokong - Haji Wan Ismail bin Wan Md Isa *(Perwakilan Kedah A)*

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abu Bakar bin Basuni** mencadangkan agar pencalonan ditutup.

- **Perwakilan Terengganu, Haji Mohd Jais bin Hassan** menyokong ke atas cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan pengundian dijalankan secara sulit setelah mendapat persetujuan sebulat suara daripada para perwakilan. Dengan persetujuan tersebut, **Pengerusi Mesyuarat** meminta pihak pengurusan menyediakan peti-peti dan borang-borang undi. Selanjutnya beliau meminta bantuan juruaudit luar, Tetuan AljeffriDean untuk memantau dan mengira undi.

Setelah undian dikira dan disahkan oleh juruaudit luar, Tetuan AlJeffriDean, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan keenam-enam orang calon yang berjaya dipilih untuk mengisi enam (6) kekosongan jawatan anggota Lembaga menurut undang-undang kecil Koperasi Shamelin Berhad 37 (1) dan 37 (2) ialah seperti berikut :

	Nama Calon	**Jumlah Undi**
i.	Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman	112
ii.	Haji Shahadan bin Haji Abdul Manas	87
iii.	Haji Ismail bin Muda	86
iv.	Datuk Haji Abu bin Pit	85
v.	Dr. Haji Arriffin bin Mansor	80
vi.	Haji Othman bin Haji Md Isa	77

Selanjutnya **Pengerusi Mesyuarat** juga mengisytiharkan empat (4) calon yang mendapat undi tertinggi berikut akan memegang jawatan anggota Lembaga bertempoh selama tiga (3) tahun;

i. Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman
ii. Haji Shahadan bin Haji Abdul Manas
iii. Haji Ismail bin Muda
iv. Datuk Haji Abu bin Pit

dan dua (2) calon yang mendapat undi tertinggi berikutnya akan memegang jawatan anggota Lembaga bertempoh selama satu (1) tahun, iaitu;

i. Dr. Haji Arriffin bin Mansor
ii. Haji Othman bin Haji Md Isa

AGENDA 11

MELULUSKAN ELAUN-ELAUN BERIKUT:

I. ELAUN BULANAN KEPADA PENGERUSI, BENDAHARI DAN SETIAUSAHA KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN PENGERUSI BAGI BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA YANG AKTIF;

II. ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SERTA ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI LEMBAGA PENGARAH BAGI SUBSIDDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD; DAN

III. ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI PENGERUSI JAWATANKUASA KECIL, ANGGOTA LEMBAGA DAN PERWAKILAN YANG DILANTIK MENANGGOTAI JAWATANKUASA KECIL-JAWATANKUASA KECIL

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad membentang (I) Elaun Bulanan Kepada Pengerusi, Bendahari Dan Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad Dan Pengerusi Bagi Subsidiary-subsidiari Yang Aktif, (II) Elaun Kehadiran Mesyuarat Bagi Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman Serta Anggota-anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Lembaga Pengarah Bagi Subsidiari-subsidiari Koperasi Shamelin Berhad dan, (III) Elaun Kehadiran Mesyuarat Bagi Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Anggota Lembaga Dan Perwakilan Yang Dilantik Menganggotai Jawatankuasa Kecil-jawatankuasa Kecil, seperti terdapat di **Kembaran 3 (warna kuning)** muka surat 2 untuk diluluskan.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Abu Bakar bin Basun**i mencadangkan supaya elaun-elaun yang dibentangkan itu diluluskan.

- **Perwakilan Kedah E, Haji Abdullah bin Ahmad** menyokong dengan cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh semua perwakilan.

Dengan ini, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan elaun-elaun berikut sebagaimana dibentangkan itu diterima dan diluluskan.

I. Elaun Bulanan Kepada Pengerusi, Bendahari Dan Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad Dan Pengerusi Bagi Subsidiari-Subsidiarinya Yang Aktif;
II. Elaun Kehadiran Mesyuarat Bagi Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman Serta Anggota-Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Lembaga Pengarah Bagi Subsiddiari-Subsidiri Koperasi Shamelin Berhad; dan
III. Elaun Kehadiran Mesyuarat Bagi Pengerusi Jawatankuasa Kecil, Anggota Lembaga Dan Perwakilan Yang Dilantik Menanggotai Jawatankuasa Kecil-Jawatankuasa Kecil

AGENDA 12

MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK DIPILIH SALAH SATU DARIPADANYA BAGI MENGAUDIT AKAUN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad membentang senarai Suatu Panel Yang Terdiri Tidak Kurang Daripada Dua (2) Firma Audit Untuk Dipilih Salah Satu Daripadanya Bagi Mengaudit Akaun Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya seperti yang dibentangkan di **Kembaran 3 (warna kuning) muka surat 2** untuk diluluskan.

- **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** mencadangkan keempat-empat firma audit yang disenaraikan itu diterima untuk dipilih oleh Lembaga.

- **Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah** menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan itu, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan pelantikan suatu panel yang terdiri tidak kurang daripada dua (2) firma audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya sebagaimana yang dibentangkan itu diterima dan diluluskan mengikut budibicara Lembaga.

AGENDA 13

MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIAYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad membentang Skop dan Had Pelaburan yang Dibiayai oleh Wang Berlebihan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya seperti mana dibentangkan di **Kembaran 3 (warna kuning)** muka surat 3 untuk ditimbang dan diluluskan dengan meminda jumlah had pelaburan sebanyak RM10.0 juta kepada RM20.0 juta.

- **Perwakilan Kedah E, Haji Abdullah bin Ahmad** mencadangkan supaya cadangan yang dibentangkan itu diterima dan diluluskan.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** menyokong ke atas cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan itu, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan skop dan had pelaburan tidak melebihi RM20.0 juta yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya diterima dan diluluskan.

AGENDA 14

MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad, membentang Had Maksimum Keterhutangan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya seperti mana di **Kembaran 3 (warna kuning)** muka surat 4 untuk diterima dan diluluskan.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** mengingatkan supaya dijadikan satu dasar oleh Lembaga Koperasi Shamelin Berhad apabila hendak menjalankan sesuatu projek baru hendaklah disediakan satu kertas rancangan perniagaan. Kertas rancangan perniagaan ini hendaklah dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad untuk ditimbang dan diluluskan, dan seterusnya mendapat kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Seterusnya beliau mencadangkan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi Shamelin Berhad dan Subsidiari-subsidiarinya sebanyak RM230.0 juta diterima dan diluluskan.

- **Perwakilan Selangor B, Encik Yaacob @ Abbas bin Attan** menyokong cadangan ini dan di persetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan itu, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan had maksimum keterhutangan dengan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya sebanyak RM230.0 juta di terima dan diluluskan.

AGENDA 15

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN USUL-USUL BERTULIS ATAU URUSAN LAIN YANG SATU NOTIS TIDAK KURANG DARI TUJUH (7) HARI TELAH DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA TERMASUK PERKARA-PERKARA YANG MANA ANGGOTA TERKILAN DENGAN SESUATU KEPUTUSAN LEMBAGA

Dato' Setiausaha Koperasi Shamelin Berhad membentang (I) Keputusan Lembaga Ke Atas Usul-usul Yang Diterima Dari Kawasan Bagi Tahun 2010, dan (II) Laporan Tindakan Ke Atas Usul-usul Kawasan bagi Tahun 2009 yang Diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-25 Diterima Untuk Diambil Tindakan; sepertimana yang terdapat di **Kembaran 4 (warna merah jambu)** untuk didengar, ditimbang dan seterusnya diputuskan.

Seterusnya beliau memaklumkan jumlah usul yang di terima oleh Lembaga dari kawasan-kawasan ialah sebanyak enam puluh (60) usul. Bagi tujuan menjimatkan masa Lembaga telah menimbang dan seterusnya memutuskan usul-usul tersebut yang dikategorikan kepada tiga (3) kumpulan iaitu tiga belas (13) usul diterima untuk diambil tindakan, lapan belas (18) usul akan di timbang di masa hadapan untuk diambil tindakan dan dua puluh sembilan (29) usul ditolak.

Beliau juga memberi penjelasan mengenai kedudukan empat belas (14) usul kawasan bagi tahun 2009 yang telah diterima dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-25 untuk di ambil tindakan di mana sejumlah empat (4) usul telah diambil tindakan dan bakinya akan dilaksanakan mengikut kesesuaian dan kewajarannya.

- **Perwakilan Kedah E, Haji Abdullah bin Ahmad** mencadangkan supaya keputusan Lembaga ke atas usul-usul yang diterima dari kawasan-kawasan bagi tahun 2010 serta laporan tindakan ke atas usul-usul kawasan bagi tahun 2009 diterima.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** meminta diminitkan bantahan beliau ke atas penolakan tiga (3) usul daripada Wilayah Persekutuan oleh Lembaga namun menyokong cadangan Perwakilan Kedah E, Haji Abdullah bin Ahmad. Sokongan ini dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan itu, **Pengerusi Mesyuarat** mengisytiharkan (I) Keputusan Lembaga Ke Atas Usul-usul yang Diterima Dari Kawasan bagi Tahun 2010, dan (II) Laporan Tindakan Ke Atas Usul-usul Kawasan Bagi Tahun 2009 yang Diluluskan Oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-25 Diterima untuk Diambil Tindakan di terima dan diluluskan.

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad membentang tiga (3) usul Lembaga berikut untuk didengar, ditimbang dan diputuskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad Ke-26 seperti yang dibentangkan di **Kembaran 5 (warna oren)**.

I. Cadangan Pindaan Aturan-aturan Ar-Rahnu Koperasi Shamelin Berhad.
II. Cadangan Penambahan Syer Anggota Dan Koperasi Anggota Koperasi Shamelin Berhad.
III. Cadangan Skim Khairat Kematian Takaful Koperasi Shamelin Berhad Bagi Tempoh 2010 hingga 2011.

Usul 1 : Cadangan Pindaan Aturan-aturan Ar-Rahnu Koperasi Shamelin Berhad

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad memberi penerangan mengenai keperluan usul ini dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-26 yang berasaskan kepada rasional berikut;

i. Penjenamaan baru perniagaan serta logo perniagaan bagi menjelaskan perniagaan yang dijalankan.
ii. Perluasan pasaran dengan mengambil kira penggadaian barang emas yang rosak sedikit dan juga jongkong emas (99.9%).
iii. Pengurusan risiko perniagaan dengan pemberian pinjaman maksimum ke atas marhun dari 80% kepada 70%.
iv. Pemantapan aturan-aturan sedia ada.

- **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** mencadangkan usul cadangan pindaan aturan-aturan Ar-Rahnu Koperasi Shamelin Berhad seperti mana yang dibentangkan itu diterima dan diluluskan.

- **Perwakilan Kedah B, Encik Hashim bin Omar** menyokong ke atas cadangan ini dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

Dengan itu, Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan usul cadangan pindaan aturan-aturan Ar-Rahnu Koperasi Shamelin Berhad sebagai mana dibentangkan itu di terima dan diluluskan.

Usul 2 : Cadangan Penambahan Syer Anggota Dan Koperasi Anggota Koperasi Shamelin Berhad

Dato' Bendahari Koperasi Shamelin Berhad menjelaskan rasional usul ini dibentangkan disebabkan Koperasi Shamelin Berhad memerlukan dana dan komitmen tinggi daripada anggota dan anggota yang memegang jawatan. Penerimaan cadangan ini adalah sebagai bukti anggota dan koperasi anggota prihatin akan keperluannya dan mendokong aktiviti perniagaan Koperasi Shamelin Berhad demi kejayaannya di masa hadapan.

Sebagai latar belakang beliau telah memaklumkan syer minimum anggota telah dinaikkan daripada RM50.00 kepada RM100.00 pada tahun 2004. Sehingga kini jumlah syer yang terkumpul ialah sebanyak RM11.5 juta daripada 22,501 anggota dan purata syer anggota ialah lebih kurang RM500.00 seorang. Adalah dicadangkan jumlah syer anggota dinaikkan sekurang-kurangnya RM1,000.00, terutama kepada anggota yang ingin menjadi perwakilan. Sekiranya perwakilan berhajat untuk menjawat jawatan anggota Lembaga, syer minimum adalah dicadangkan sebanyak RM3,000.00.

Cadangan ini adalah merupakan cadangan pentadbiran yang tidak memerlukan pindaan undang-undang kecil dan dilaksanakan secara sukarela.

- **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** menyokong usul ini sebagai membuktikan keprihatinan anggota dan memenuhi kehendak serta keperluan Koperasi Shamelin Berhad demi kejayaannya di masa hadapan.

- **Perwakilan Negeri Sembilan, Haji Abdul Malik bin Haji Abdullah** mencadangkan supaya usul ini diterima dan diluluskan.

- **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** menyokong ke atas cadangan supaya usul ini diterima dan diluluskan.

- **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Encik Shafie bin Saad** menyokong ke atas usul ini dan menyarankan supaya dikeluarkan sijil syer anggota.

- **Perwakilan Perak A, Haji Zakaria bin Mahat** memberi reaksi bahawa cadangan ini baik tetapi hendaklah prestasi koperasi juga baik. Mengikut pendapat beliau Lembaga harus memikirkan bagaimana hendak memajukan koperasi tetapi sehingga kini tidak nampak kemajuan yang diharapkan. Beliau khuatir jika syer minimum dinaikkan dari RM100.00 kepada RM1,000.00 maka ramailah anggota Koperasi Shamelin Berhad terkeluar daripada menjadi anggota.

